

SIRI KUPASAN ALKITAB

Pengenalan Kepada
KRISTOLOGI

MARK JONES



Pengenalan Kepada Kristologi

Penulis : Mark Jones
Penterjemah : Amy Peter
Penyunting : John Tan & Randy Singkee
Kulit buku : JC Chiang

Cetakan Pertama: Mac 2020

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari:
Alkitab Versi Borneo © 2016, Borneo Sabda Limited

A Christian's Pocket Guide To Jesus: An Introduction To Christology
© Mark Jones 2012

Edisi Asal diterbitkan oleh:
Christian Focus Publications Ltd., Scotland, United Kingdom
E-mel: info@christianfocus.com

Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan oleh:
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, Selangor
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.



Daftar Isi

PRAKATA	1
1. PERIBADI KRISTUS	7
Cur Deus Homo? ('Mengapa Allah Menjadi Manusia?')	8
Kristologi 'Dari Di Atas'	10
Anak Yang Ilahi	12
Penjelmaan: Mukjizat Allah Yang Paling Luar Biasa	15
Dua Kudrat Dalam Satu Peribadi: Jadi?	20
2. MANUSIA UNGGUL YANG PERNAH HIDUP	27
Pemberian Sifat-Sifat (<i>Communicatio idiomatum</i>)	27
Adakah Kristus Mempunyai Satu Atau Dua Kehendak?	30
Bolehkah Kristus Berbuat Dosa?	33
'Engkau Membuat Aku Percaya Ketika Aku Masih Disusui Ibuku'	35
Hidup Dengan Iman?	39
Kristus Dan Roh Kudus	42
3. PEKERJAAN KRISTUS	49
Kristus Sebagai Nabi	50
Kristus Sebagai Imam	54
Kristus Sebagai Raja	60
Ketiga-tiga Jawatan Kristus Dihina	66
Kemuliaan Kristus	67
Visi Yang Penuh Rahmat	72
Akhir Kata	77

Prakata

Topik Kristologi menjelaskan tentang peribadi dan pekerjaan Yesus Kristus, manusia-Allah itu (*theanthropos*). Dalam teologi, Kristologi mempunyai satu kepentingan yang tak boleh dipandang remeh. Peribadi dan pekerjaan Kristus adalah fokus utama di dalam teologi Kristian. Namun begitu, kita lebih selesa membincangkan pekerjaan Kristus (apa yang dilakukan-Nya) daripada memahami peribadi Kristus (siapakah diri-Nya). Ini dapat dimengerti memandangkan misteri yang tidak dapat difahami dari kesatuan Allah yang tak terbatas dan manusia yang terbatas di dalam seorang peribadi. Semasa saya menulis buku ini, saya sedar bahawa jika kita memerlukan banyak usaha untuk menjadi ‘pakar Kristologi’ (*Christologists*), ia adalah dalam bahagian mengenali peribadi Kristus. Lagipun, bukankah sangat penting untuk kita mempunyai pandangan-pandangan yang betul tentang seseorang yang kita percaya itu ‘di antara sepuluh ribu orang’ (*Kidung Agung 5:10*)?

Rangka buku ini amat ringkas. Pertama, saya akan menerangkan tentang siapakah Yesus (peribadi-Nya). Kedua, saya akan menjelaskan secara ringkas apa yang Yesus lakukan (pekerjaan-Nya) sebagai nabi, imam dan raja dalam kedua keadaan-Nya yang direndahkan dan dipermuliakan. Para pembaca harus ingat bahawa fokus utama saya dalam buku ini adalah untuk membantu orang Kristian untuk lebih memahami peribadi, supaya



dalam bahagian tentang pekerjaan-Nya akan menonjolkan hubungan organik antara pekerjaan dan peribadi-Nya. Akhir sekali, kita akan melihat tentang kemuliaan Kristus. Tujuan penebusan adalah visi orang percaya tentang kemuliaan Kristus. Visi ini merupakan suatu berkat sejati (atau 'visi kebahagiaan'). Visi dan kemuliaan Kristus di dalam visi ini mempunyai satu hubungan organik dengan doktrin-doktrin mengenai peribadi dan tugas Kristus yang merupakan kemuncak bagi keseluruhan Kristologi. Kerana kajian tentang doktrin-doktrin mengenai Kristus ini akan membuahkan takut akan Dia dengan iman, maka tidak dapat dielakkan lagi, iman itu membolehkan kita melihat kemuliaan Allah yang tercermin pada wajah Anak-Nya yang terkasih (2 Korintus 3:18).





Saya amat berterima kasih kepada Philip Ross yang mula-mula sekali menghubungi saya dan mendorong saya untuk menulis buku ini. Beliau mengingatkan saya tentang buku saya yang 'terlalu berharga' tentang Kristologi oleh Thomas Goodwin. Buku ini bukanlah ringkasan daripada tulisan saya tentang karya Goodwin, namun saya terhutang budi dengan pengetahuan yang diberikan oleh Goodwin dan John Owen, yang menurut saya tulisan mereka mengenai Kristus merupakan suatu model bagi para ahli teologi Kristian: sungguh-sungguh berlandaskan teks Alkitab; satu pemahaman yang komprehensif dalam tradisi Kristian yang lebih luas, dan kesungguhan untuk memastikan bahawa kebenaran-kebenaran mendalam mengenai Kristus sebagai pengantara diterapkan di dalam hati dan fikiran orang yang telah ditebus-Nya.

Secara teknikal, buku ini bukan sebuah buku akademik, tetapi sebuah buku untuk semua golongan pembaca, sebab itulah saya cuba menulisnya secara ringkas dan mudah difahami. Ada banyak lagi aspek-aspek Kristologi lain yang masih belum dibincangkan (misalnya nama-nama Kristus) yang cukup untuk menghasilkan satu projek buku yang tebal. Tetapi saya sengaja memilih aspek-aspek tertentu kerana saya percaya ia kurang dibincangkan dalam karya-karya popular Kristologi.

Maklumbalas yang diberikan oleh Reuben dan Heidi Zartman sangatlah berharga; kesungguhan mereka membaca keseluruhan naskah ini menyumbangkan banyak kebaikan kepada buku ini. Pelajar kedoktoran saya, Rev. Ryan McGraw juga banyak menyumbangkan pandangan-pandangan yang bermanfaat. Saya juga berterima kasih kepada jemaah saya di Gereja Presbyterian Faith Vancouver kerana dorongan mereka yang tak henti-henti dan kerinduan mereka untuk mendengar Kristus dihutbahkan pada setiap minggu di mimbar. Seperti biasa, saya berterima kasih kepada isteri saya, wanita luar biasa yang baru saja melahirkan anak kembar kami pada tahun lepas, Thomas dan Matthew.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mendedikasikan buku ini kepada dua pasangan senior di jemaah saya, yang telah banyak membantu (dan bersabar dengan) pastor muda mereka ini: Don dan Chris Robertson, serta Paul dan Bernace Walker.

Dalam buku ini, anda akan bertemu dengan simbol-simbol berikut, yang membantu anda untuk berhenti sebentar bagi memperhatikan nota-nota tambahan yang disediakan.

	Amaran
	Jangan Lupa
	Berhenti dan Fikir Sejenak
	Sesuatu yang Menarik



Pengakuan Iman Kalsedon

Pernyataan ekumenikal (majlis gereja sejagat) yang terbaik mengenai peribadi Kristus datang dari dokumen abad ke-5 yang terkenal, Pengakuan Iman Kalsedon¹ (451 Masihi). Setelah banyak perdebatan yang sengit dan rumit, majlis uskup gereja yang hadir di Persidangan Kalsedon bersetuju dengan pernyataan berikut:

*Maka, kami semua, mengikuti Bapa-Bapa yang kudus,
dengan sebulat suara,
mengajarkan manusia untuk mengakui
Anak yang satu dan sama,
Tuhan kita Yesus Kristus,
yang sempurna dalam Allah,
dan sempurna dalam kemanusiaan,
Allah sejati dan manusia sejati,
dengan tubuh dan jiwa yang rasional;
yang sama dengan kita menurut kemanusiaan;
dalam segala hal sama seperti kita, namun tanpa dosa;
yang sejak azali sudah ada bersama Bapa
menurut Allah,
dan dalam hari-hari akhir ini,
demi kita dan penyelamatan kita,
dilahirkan oleh Perawan Maria,
Bonda Allah,
menurut keadaan manusia;
Kristus, yang satu dan sama,
Anak,
Tuhan,
satu-satunya Anak Tunggal,*

¹ Kadang-kadang juga disebut sebagai Syahadat Kalsedon atau Kredo Kalsedon.

*yang diakui dalam dua kudrat²,
tanpa kekeliruan,
tanpa perubahan,
tanpa perpecahan,
tanpa pemisahan;
Perbezaan dari dua kudrat itu
sama sekali tidak dihilangkan oleh kesatuan itu,
tetapi setiap kudrat itu terpelihara
dan bersatu menjadi satu Peribadi dan satu Hakikat,
tidak terpisah atau terbahagi menjadi dua peribadi,
tetapi Anak yang satu dan yang sama,
dan satu-satunya Anak Tunggal,
Allah Firman,
Tuhan Yesus Kristus;
seperti nabi-nabi dari mula-mula lagi
telah menyatakan tentang Dia,
dan Tuhan Yesus Kristus sendiri telah mengajarkan kita,
dan seperti Pengakuan Iman Bapa-Bapa yang kudus
telah diwariskan kepada kita.*

Syahadat ekumenikal ini telah diterima dan diguna oleh gereja Barat. Persoalan yang ada ialah bagaimana kita menghubungkan bukti-bukti alkitabiah tentang Yesus dari Nazaret dengan pengakuan Kalsedon mengenai seorang Peribadi yang mempunyai dua kudrat ini. Ia tidak mudah, tetapi ia adalah suatu yang mulia; dan apabila kita membicarakan tentang Tuhan Kemuliaan (1 Korintus 2:8) – *kita tidak boleh mengharapkan apa-apa, walaupun kekurangan kita sendiri dalam pengetahuan tentang kebenaran Ilahi.*

² Kudrat (dalam Bahasa Inggeris, *Nature*). Istilah ini merujuk kepada sifat atau tabiat semula jadi. Doktrin Kristologi mengajar kewujudan dua kudrat bersatu (keilahan dan kemanusiaan) Yesus Kristus sebagaimana yang dinyatakan dalam Pengakuan Iman Kalsedon. Kedua kudrat ilahi dan manusia dalam satu peribadi Kristus adalah kewujudan Allah dan manusia yang sejati.





PERIBADI KRISTUS

Pertanyaan-pertanyaan selalunya merupakan satu cara yang sangat berharga untuk memahami kebenaran. Ada beberapa pertanyaan yang boleh ditanya untuk membantu kita memahami peribadi Kristus. Contohnya, semasa Yesus masih muda dan menolong ayah-Nya Yusuf dalam kerja pertukangan, adakah sesuai untuk Yesus bertanya mengenai fungsi suatu alat tukang yang tertentu? Atau, kerana Dia juga Allah sepenuhnya, adakah Kristus sudah tahu jawapannya, jadi apa yang ditanya itu sia-sia saja? Sekali lagi kita boleh bertanya, adakah Kristus yang adalah Anak Allah yang abadi, perlu berdoa? Atau adakah Kristus berdoa semata-mata hanya sebagai satu contoh kepada orang yang percaya? Melalui pengalaman saya, soalan inilah yang paling rumit – yang paling banyak dijawab dengan salah: Kristus mempunyai satu kehendak atau dua kehendak? Lebih-lebih lagi, adakah Kristus hidup dengan iman atau dengan penglihatan semasa Dia melayani di bumi? Dan adakah Dia mengekalkan kudrat manusia-Nya selepas Dia diangkat ke syurga? Pertanyaan-pertanyaan seperti ini dan banyak lagi telah dijawab dengan cara yang berbeza oleh orang Kristian yang bijak. Jawapan kita kepada semua pertanyaan ini bergantung sepenuhnya kepada perspektif kita tentang peribadi Kristus.



Mungkin kita harus mempertimbangkan pertanyaan-pertanyaan yang lebih asas sebelum kita menjawab pertanyaan-pertanyaan yang lain, iaitu: Mengapa Kristus datang ke bumi? Kristologi menekankan tentang peribadi dan pekerjaan Kristus – peribadi biasa-Nya yang dinyatakan dalam Kitab Suci sebelum pekerjaan-Nya (rujuk Yohanes 1 dan Ibrani 1-2). Kedua-dua aspek Kristologi ini saling berkaitan sehingga hampir mustahil untuk membincangkan peribadi Kristus tanpa membincangkan pekerjaan-Nya. Begitu juga ia sangat mustahil untuk memahami pekerjaan Kristus tanpa memahami siapakah Kristus; kerana memahami siapakah Kristus membolehkan kita mengerti mengapa hanya Dia saja yang dapat menyelamatkan orang berdosa!

Cur Deus Homo? ('Mengapa Allah Menjadi Manusia?')

Sebagai satu titik permulaan untuk penyelidikan tentang Kristologi, saya akan mempertimbangkan pertanyaan yang diajukan oleh ahli teologi abad ke-11 yang cemerlang, Anselm dari Canterbury (1033 – 1109) menerusi karyanya yang terkenal iaitu '*Cur Deus homo?*' yang boleh diterjemahkan sebagai '*Mengapa Allah menjadi manusia?*' Pertanyaan ini telah dijawab dari sudut pandangan yang berbeza oleh ahli-ahli teologi yang hebat, bahkan dari aliran tradisi teologi yang sama.

Orang dapat mengesan alur pemikiran Anselm yang jelas para teologi Reformed pada era Reformasi dan abad yang berikutnya. Misalnya, menyetujui pemikiran Anselm tentang keperluan pengenapan Kristus, ahli-ahli teologi seperti John Calvin dan John Owen memegang pendapat bahawa Kristus datang ke dunia untuk memulihkan kehancuran yang diakibatkan oleh dosa.¹ Namun berlainan pula pendapat

¹ *Exposition of Hebrews*, XIX.37 in *The Works of John Owen, D.D.* 24 vols. (Edinburgh: Johnstone & Hunter, 1850–53); *John Calvin: Institutes of Christian Religion*. Ed. John T. McNeil. Trans. Ford Lewis Battles. (Philadelphia: Westminster Press, 1960), II.xii.4–5.

Thomas Goodwin, ahli teologi Puritan yang berhujah bahawa Kristus telah diurapi sebagai pengantara bagi 'tujuan yang lebih tinggi' daripada penyelamatan umat Allah. Menurut Goodwin, sebab utama Anak Allah menjadi manusia bukanlah supaya orang berdosa dapat diselamatkan oleh pekerjaan-Nya yang mulia, meskipun itu salah satu sebabnya. Sebaliknya, pada pandangan Goodwin, manfaat yang diperolehi dari Kristus 'semuanya jauh lebih rendah daripada anugerah peribadi Kristus kepada manusia, lebih-lebih lagi kemuliaan peribadi-Nya. Peribadi-Nya jauh lebih berharga dari apa yang manusia semua dapat.'² Oleh yang demikian, "matlamat utama Allah bukanlah membawa Kristus ke dunia untuk kita, tetapi kita untuk Kristus... dan segala sesuatu yang ditetapkan Allah, bahkan penebusan itu sendiri, adalah demi menyatakan kemuliaan Kristus, lebih daripada penyelamatan kita."³ Ini adalah kenyataan yang luar biasa sekali! Tetapi Goodwin tidak bersendirian. Seorang lagi ahli teologi Puritan, Stephen Charnock, turut mengesahkan bahawa ada 'sesuatu dalam Kristus yang lebih unggul dan indah daripada peranan-Nya sebagai seorang Penyelamat; kebesaran peribadi-Nya adalah lebih baik daripada penyelamatan yang diperolehi dari kematian-Nya.'⁴ Mungkin kenyataan paling luar biasa mengenai peribadi Kristus adalah surat Paulus kepada jemaah Kolose di mana Paulus berbicara tentang Kristus sebagai 'gambaran Allah yang tidak kelihatan' (Kolose 1:15; lihat juga Ibrani 1:3). Kata-kata yang mengikuti dari pengisytiharan mengenai peribadi Kristus menunjukkan bahawa segala yang dilakukan Kristus, dan terus dilakukan-Nya, bergantung pada dan mencerminkan kemuliaan peribadi-Nya.

Saya merasakan bahawa penekanan-penekanan Goodwin dan Charnock semakin hilang dalam banyak perbincangan moden mengenai topik Kristologi – dan mungkin juga dalam pandangan

² *Exposition of Ephesians*, 1.99 in *The Works of Thomas Goodwin, D.D.* 12 vols. (Grand Rapids: Reformation Heritage Books, 2006).

³ *Exposition of Ephesians*, 1.100.

⁴ *Discourses Upon the Existence and attributes of God* (London, 1840), 574.



kita sendiri tentang Kristus – di mana kemuliaan peribadi Kristus dibelakangkan dengan apa yang Dia telah lakukan untuk kita. Kemuliaan Kristus bukanlah satu lampiran kepada topik Kristologi. Kerana ia adalah kemuncak kepada semua yang kita bicarakan mengenai peribadi dan pekerjaan Kristus, maka kemuliaan-Nya memberikan alasan yang paling asas, kerana itu adalah dasar dan kepenuhan kenikmatan kekal kita yang kekal kepada-Nya di Syurga. Jadi, untuk menjawab pertanyaan Anselm, memang tak salah bagi kita untuk menekankan kepentingan penyelamatan sebagai tujuan penjelmaan Kristus; tetapi kita juga tidak menyatakan seluruh kebenaran jika kita membuat kemuliaan peribadi Kristus tunduk kepada penyelamatan kita. Seperti yang disebutkan oleh nabi Yesaya, 'semua orang yang disebutkan dengan nama-Ku, yang Kuciptakan untuk kemuliaan-Ku, yang Kubentuk, dan yang Kujadikan' (Yesaya 43:7).

Kristologi 'Dari Di Atas'

Dalam membincangkan penjelmaan Anak Allah, kita tidak mempunyai pilihan tetapi harus bermula pengkajian Kristologi kita dari 'di atas' dan bukannya dari 'di bawah.' Bermula dari 'di atas' adalah satu pantulan pola yang ada dalam Perjanjian Baru yang menekankan pertama sekali kepada keilahian Kristus ('di atas'), diikuti dengan kemanusiaan-Nya ('di bawah'). Kita hanya perlu melihat prolog dalam Injil Yohanes di mana ayat pertama secara terang-terangan menyatakan mengenai kudrat keilahian Kristus dan kemanusiaan-Nya. Selanjutnya Yohanes menegaskan dalam ayat 14 bahawa Firman itu, yang sudah bersemuka dengan Allah, adalah Allah yang 'menjadi manusia'. Jika Roma 3:21 dst. mewakili bom nuklear Paulus terhadap agama orang Farisi, maka pastilah Yohanes boleh mengatakan sesuatu yang lebih bertentangan dengan tanggapan-tanggapan orang Yahudi mengenai Yesus daripada Firman itu, yang adalah Yahweh, telah menjadi manusia.

Penulis surat Ibrani juga bermula dengan satu Kristologi dari 'di atas'. Membandingkan Ibrani 1 dan 2 menunjukkan bahawa bab 1 lebih menekankan keilahian Kristus sedangkan bab 2 lebih menumpukan kepada kemanusiaan-Nya. Satu contoh yang terakhir – dari sekian banyak teks Alkitab yang boleh dipilih, adalah 'lagu pujian Kristus' Paulus dalam Filipi 2, satu pernyataan yang paling penting untuk memberi penjelasan kepada tanggapan kita mengenai Kristus. Ada yang menemui gerakan tinggi-rendah-tinggi di mana Anak Ilahi yang abadi mengambil rupa seorang hamba dengan merendahkan diri-Nya melalui penjelmaan serta ketaatan-Nya untuk disalibkan. Namun Allah-manusia itu ditinggikan oleh Bapa kerana ketaatan-Nya untuk mati di kayu salib, dan Dia dianugerahi nama yang ilahi, 'Tuhan'. Banyak lagi yang akan dibincangkan tentang bahagian ini dalam surat Filipi, tetapi jelas sekali Kristologi dalam pujian ini bermula dari 'di atas' dan bukannya dari 'di bawah'. Hal ini sangat penting jika kita mahu menghargai peribadi Kristus.

Mengapa ini penting? Kerana ada satu kecenderungan dalam fikiran kita untuk memikirkan Kristus sebagai 'superman'. Maksudnya, kita gagal mempercayai dengan secukupnya bahawa Dia adalah 'Allah yang benar-benar Allah' (*autotheos - Allah sendiri*), yang sama dengan Bapa dan Roh Kudus dalam segala hal. Menganggap Kristus sebagai 'superman' juga menghalang kita daripada menghargai kemanusiaan-Nya yang sejati. Sudah tentu, seperti doktrin Tritunggal, fakta penjelmaan adalah suatu misteri yang luar biasa dan seluruh kebenarannya di luar pemikiran manusia yang terbatas. Ramai orang Kristian cuba memahami misteri ini dengan menganggap Kristus sebagai 'superman', jadi tidak mustahillah sesetengah arus bidaah (misalnya ajaran Arianisme dan Saksi-saksi Yehovah) semakin lama semakin pesat berkembang khususnya dalam topik teologi ini. Banyak fahaman teologi yang salah bermula apabila kita cuba memahami Allah berdasarkan pemikiran kita sendiri, dan bukannya berpuas hati dengan banyak misteri di dalam agama Kristian yang melampaui batas pemikiran manusia.



Arianisme merujuk kepada 'bidaah Kristian arketip' abad keempat yang menafikan keilahian Kristus. Arius dari Alexandria (250-336 Masihi) menyebarkan ajaran bahawa Logos ialah Anak dan Hamba Allah, tetapi tidak sama dengan Allah Bapa. Arius memandang Anak itu sebagai satu kuasa Allah sehingga Dia adalah satu makhluk. Oleh itu ajaran Arianisme yang terkenal adalah pernah ada waktu sebelum Anak Allah atau pernah ada waktu ketika Anak Allah belum ada. Dalam tempoh Pasca Reformasi, penganut Socianisme sependapat dengan ajaran Arianisme mengenai Anak; dan hari ini banyak kultus termasuk Saksi-saksi Yehovah berpegang pada pandangan Arianisme.

Anak Yang Ilahi

Beberapa penerangan yang halus membuktikan keilahian Yesus boleh ditemui di sepanjang abad. Seperti yang telah dinyatakan, Kristologi kita harus bermula dari 'di atas' kerana itulah gambaran umum yang terdapat dalam Perjanjian Baru. Selain daripada Yohanes 1 dan Ibrani 1, adakah bukti-bukti lain yang menyatakan bahawa Yesus memiliki satu sifat ilahi yang sama dengan Bapa dan Roh Kudus? Cara bagaimana Yohanes jelaskan dalam kitab Wahyu yang memetik kitab Yesaya menunjukkan bukti yang tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa Yesus adalah Anak Allah yang Ilahi.

YHWH (Yesaya)	Yesus (Wahyu)
41:4 Aku, TUHAN, adalah yang terdahulu; dan bagi mereka yang terkemudian Aku tetap Dia!	1:17 Janganlah takut! Akulah Yang Pertama dan Yang Terakhir

YHWH (Yesaya)	Yesus (Wahyu)
44:6 Akulah yang awal dan Akulah yang akhir, tidak ada Allah selain Aku.	2:8 Kepada malaikat jemaah di Smirna, tulislah: Inilah firman daripada Dia Yang Pertama dan Yang Terakhir, yang telah mati dan hidup semula.
48:12 Aku tetap Dia! Akulah yang awal, Akulah juga yang terakhir.	22:13 Akulah Alfa dan Omega, Yang Pertama dan Yang Terakhir, Yang Di Awal dan Yang Di Akhir.

Memang tak dinafikan bahawa Yohanes, yang memiliki pengetahuan tentang Perjanjian Lama yang luar biasa, percaya tanpa sebarang keraguan bahawa Tuhan kemuliaan yang telah bangkit itu bukan saja manusia, tetapi juga Tuhan yang ilahi. Yohanes menyatakan nama ilahi itu kepada Yesus. Keluaran 3:14 menjelaskan maksud nama ilahi (YHWH) itu. Seperti yang diterjemah dalam Alkitab Versi Borneo, ia bermaksud 'AKULAH AKU.' Dari konteks tersebut, YHWH juga boleh diterjemah sebagai 'Aku akan menjadi siapa Aku' atau 'Aku akan menjadi siapa Aku telah jadi', suatu terjemahan yang menyifatkan kekekalan Allah dan ketetapan-Nya yang tidak berubah-ubah. Ini bermaksud ketika Yesaya menyebut tentang yang awal dan yang akhir, dia menyatakan semula nama ilahi itu; dan dakwaan Yohanes bahawa Yesus adalah Alfa (Al-Awwal) dan Omega (Al-Akhir) (Wahyu 22:13), itu bermaksud Yesus adalah YHWH.

Yohanes juga membuat satu rujukan lain kepada kitab Yesaya yang membuktikan keilahian Kristus. Dalam Yesaya 6, nabi Yesaya melihat penglihatan 'Sang Raja, TUHAN alam semesta' (Yesaya 6:5). Tidak ada yang membantah bahawa Yesaya telah diberi satu penglihatan tentang Allah. Tetapi Yohanes, yang memetik sebahagian besar dari Yesaya 6, menegaskan dalam injilnya (Injil Yohanes) bahawa nabi Yesaya



'berkata demikian kerana dia telah melihat kemuliaan-Nya [Yesus] serta berkata-kata tentang-Nya' (12:41). Lebih-lebih lagi, kerana Yesus adalah TUHAN (Yahweh), maka Dia dapat memohon kepada Bapa-Nya untuk memuliakan-Nya 'dengan kemuliaan yang dimiliki-Nya bersama-sama Bapa-Nya sebelum dunia ini diwujudkan' (Yohanes 17:5). Di dalam kitab Yesaya, kita menemui bahawa Allah tidak akan menyerahkan kemuliaan-Nya kepada yang lain (Yesaya 42:8), yang bermaksud sama ada Kristus tidak layak untuk membuat permohonan sebegitu atau pun Kristus sememangnya layak untuk kemuliaan ilahi yang dimiliki-Nya sebagai Anak Allah yang kekal.

Paulus juga menggunakan bahasa dalam Yesaya dalam lagu pujian Kristus (Filipi 2:5-11) untuk membuktikan keilahian Kristus. Ayat 6 ('Dia yang sekalipun dalam bentuk Allah') merupakan ayat yang paling ketara apabila Paulus membuktikan bahawa hamba yang rendah hati itu juga adalah Allah yang kekal. Tetapi ayat 9-11 mempunyai latar belakang yang penting dalam Yesaya 45:22-23

Dalam Filipi 2:9-11, Paulus menegaskan bahawa Allah memberikan Yesus kemuliaan itu, yang menurut Yesaya, adalah kemuliaan milik Allah sahaja. Yesaya 45:22-23 mengatakan 'setiap lutut akan bertelut' kepada Allah. Jadi, Paulus mengatakan bahawa Yesus menikmati status yang sama seperti Yahweh. Ini selaras dengan bahagian awal dari lagu pujian Kristus (ayat 6 'Dia yang sekalipun dalam bentuk Allah, tidak menganggap kesetaraan dengan Allah sesuatu yang harus dipertahankan'), dan mengesahkan 'nama' yang di atas segala nama (ayat 10) itu ialah Tetragrammaton (YHWH). Oleh itu Yesus bukan sekadar 'Tuhan', tetapi Tuhan yang ilahi. Perhatikan kaitan itu:

Yesaya 45:22-23	Filipi 2:9-11
<p>Berpalinglah kepada-Ku dan biarlah kamu diselamatkan, wahai segala hujung bumi kerana Akulah Allah dan tidak ada yang lain. Aku sudah bersumpah demi diri-Ku firman yang benar telah Kusampaikan sendiri dan tidak akan ditarik kembali: sesungguhnya, setiap lutut akan bertelut kepada-Ku dan setiap lidah akan bersumpah setia.</p>	<p>Itulah sebabnya Allah sangat meninggikan-Nya dan menganugerahkan kepada-Nya nama yang di atas segala nama, supaya kepada nama Yesus segala-galanya bertelut, segala isi langit, bumi dan yang di bawah bumi, dan semua lidah mengaku bahawa Yesus Kristus ialah Tuhan, untuk mendatangkan kemuliaan kepada Allah Bapa.</p>

Penjelmaan: Mukjizat Allah Yang Paling Luar Biasa

Di antara banyak misteri dalam agama Kristian, penjelmaan dan Tritunggal merupakan misteri yang paling menakjubkan. Segelintir sarjana menganggap tradisi Ortodoks Timur telah melakukan lebih banyak keadilan terhadap penitikberatan kepada penjelmaan berbanding dengan tradisi Barat yang lebih memberi penekanan kepada penebusan (dan kadang-kadang kebangkitan). Ini satu tanggapan yang salah. Para ahli teologi Reformed sangat menghargai penjelmaan. Mereka sering menulis tentang penjelmaan sebagai suatu mukjizat terbesar yang Allah pernah lakukan. Seperti yang dikatakan oleh Thomas Goodwin, 'syurga mencium bumi ketika Allah menjadi manusia'. Adakah kita sedar betapa indahnya kebenaran ini?

Dalam kesatuan antara dua kudrat ini, terdapat jurang yang sangat besar. Sang Pencipta dikaitkan dengan makhluk ciptaan. Dalam kesatuan dua kudrat ini, kita melihat kekekalan dan yang

sementara, kebahagiaan abadi dan kesengsaraan duniawi, keperkasaan dan kelemahan, serba tahu dan kejahilan, yang kekal dan yang berubah-ubah, infiniti dan yang terbatas. Semua sifat-sifat yang berbeza ini bergabung di dalam peribadi Yesus Kristus. Untuk tidak menjadikan Allah kepada manusia atau manusia kepada Allah, kita harus berhati-hati untuk menegaskan bahawa Anak Allah yang kekal mengambil satu *kudrat* manusia, bukannya satu *peribadi* manusia. Kristus memang sepenuhnya manusia: yang memiliki segala kudrat manusia yang sejati, termasuklah jiwa yang rasional. Tetapi Kristus tidak pernah dianggap sebagai manusia yang terpisah dari Anak Allah. Kudrat manusia Kristus wujud dalam keperibadian Anak Allah. Seandainya kudrat manusia Kristus mempunyai keperibadian yang berbeza, maka akan ada dua peribadi yang bersatu dalam satu manusia. Tetapi ini jelas tidak boleh diterima!



Nestorianisme merupakan satu pandangan yang mengajarkan bahawa Yesus memiliki dua peribadi yang berasingan, yakni peribadi manusia dan peribadi ilahi. Ramai yang mengaitkan ajaran ini dengan Nestorius dari Constantinople (c. 381- 452), tetapi itu tidak adil kepada pengajarannya, yang pada dasarnya adalah bersifat Ortodoks. 'Nestorianisme' adalah salah kerana menganggap Anak itu mengambil kudrat manusia sejati (jasad dan jiwa) tetapi Dia bukanlah satu peribadi manusia yang jelas, yang sudah memiliki satu identiti. Secara hipotesis, jika Anak itu telah mengambil satu individu yang berbeza, maka hanya individu itu sajalah – tiada yang lain – yang diselamatkan oleh Anak.

Istilah teknikal yang digunakan bagi Logos yang mengambil kudrat manusia dipanggil 'anhypostasis'. Ini adalah sifat manusia yang 'diperibadikan' (*hypostatized*) oleh Logos. Oleh

itu, pernyataan bahawa 'Firman itu menjadi manusia' (Yohanes 1:14) menjelaskan kesatuan antara dua kudrat dalam satu peribadi, dan bukannya kudrat ilahi yang berubah menjadi kudrat manusia. Inti pati ilahi itu tidak akan berubah. Ahli-ahli teologi merujuk kesatuan ini sebagai kesatuan hipostatik – kesatuan antara kudrat ilahi dan kudrat manusia dalam diri Kristus. Oleh sebab kesatuan hipostatik, kita berbicara tentang Kristus sebagai 'peribadi yang kompleks'; iaitu, tidak seperti peribadi Bapa atau peribadi Roh Kudus, peribadi Kristus sejak penjelmaan itu selalu melibatkan dua kudrat (bukan dua peribadi).

Ini mungkin sukar untuk difahami. Saya rasa ini mungkin sebahagiannya kerana apa yang saya katakan adalah bahawa kesatuan hipostatik dua kudrat dalam satu peribadi ini tidak memerlukan satu pusat psikologi yang tunggal, seolah-olah 'akal fikiran' Anak Allah hanya mengambil tubuh manusia saja. Kita mungkin terbiasa menganggap peribadi adalah sinonim dengan psikologi. Yang saya maksudkan 'peribadi' Kristus adalah identiti Kristus yang 'diakui dalam dua kudrat, tanpa kekeliruan, tanpa perubahan, tanpa perpecahan [dan] tanpa pemisahan (Pengakuan Iman Kalsedon). Selain dosa, apa-apa pun yang semulajadi dan kebiasaan bagi kudrat manusia mestilah diakui dalam diri Kristus, sama seperti apa pun yang dimiliki oleh kudrat ilahi mestilah diakui dalam diri Kristus juga. Inilah keajaiban penjelmaan. Oleh itu, dengan mengambil sifat manusia, Kristus mengambil tubuh manusia dan jiwa dengan psikologi yang berbeza (sikap, emosi dan fikiran manusia) yang sama sekali tidak boleh disamakan dengan kesedaran diri Allah. Sememangnya, banyak lagi yang boleh dibincangkan mengenai sifat kemanusiaan Kristus.

Berikutan pemikiran asas Anselm, Anak Allah harus mengambil kudrat manusia agar dapat menyelamatkan jasad-jasad dan jiwa-jiwa umat-Nya. Tetapi adakah Kristus mengambil satu kudrat manusia dalam kesempurnaannya? Ini merupakan satu soalan yang sangat rumit untuk ahli-ahli teologi dari hampir semua tradisi. Kitab Suci menunjuk kepada idea bahawa kudrat

manusia Kristus tidak dosa, tetapi kudrat manusia itu menanggung kelemahan-kelemahan yang merupakan bahagian dari kutukan manusia yang jatuh ke dalam dosa. Ayat Yohanes 1:14 – ‘Firman itu menjadi manusia’ – seolah-olah menggambarkan bahawa Kristus mengambil kudrat manusia yang tersarung dengan kelemahan-kelemahan sebagai akibat dari Kejatuhan itu. Perhatikan juga kata-kata Paulus dalam Roma 8:3, ‘dengan menghantar Anak-Nya dalam bentuk manusia berdosa.’ Namun begitu, kita harus berhati-hati dalam membincangkan apa yang dimaksudkan dengan ‘manusia’ atau ‘dalam bentuk manusia berdosa.’



Apolinarianisme berasal dari pengasasnya, Apollinaris dari Laodikea (310-390 Masihi) yang sangat menentang kaum Arian pada abad keempat. Tetapi dalam melakukan itu, Apollinaris juga membuat kesilapan besar kerana dia mengatakan Anak tidak mengambil akal fikiran manusia semasa Dia menjelma menjadi manusia. Sebaliknya, ‘akal fikiran’ (jiwa) ilahi yang mengambil alih satu jasad manusia. Kesalahan ini sangat lazim di gereja hari ini. Anak itu menyatukan diri-Nya dengan kudrat manusia sejati, termasuk ‘jasad dan jiwa yang rasional’ (Kalsedon). Bidaah modalistis memperlakukan yang menjadi Allah itu sebagai mutlak, dan tiga peribadi itu sebagai bentuk terbitan sehingga Bapa, Anak dan Roh Kudus tidak mencerminkan siapakah Allah dalam diri-Nya. Pengakuan gereja bahawa satu Allah dalam kesatuan tiga peribadi adalah satu asas alkitabiah untuk pemahaman yang betul tentang individu dan kesatuan dalam Kitab Suci.

Jelas sekali Kristus tidak mengambil semua kelemahan yang mencirikan kudrat manusia selepas Kejatuhan. Perbezaan harus dibuat antara ‘kelemahan-kelemahan yang menyakitkan’ dan ‘kelemahan-kelemahan yang penuh dosa’. Bagi kelemahan-kelemahan yang penuh dosa, Kristus bebas dari semua

kelemahan ini. Walau bagaimanapun, tampaknya Kristus hanya mengambil satu aspek 'kelemahan-kelemahan yang menyakitkan.' Maksudnya, 'kelemahan-kelemahan yang menyakitkan' manusia boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu yang menunjukkan diri mereka dalam bentuk penyakit (misalnya sakit kusta), dan yang bersifat semulajadi seperti kesakitan, kesedihan dan berduka. Setakat yang kita tahu, Kristus tidak tertakluk kepada penyakit, seperti sakit kusta. Tetapi Kitab Suci dengan jelas menegaskan bahawa Kristus adalah 'seorang yang penuh derita dan terbiasa dengan kesakitan' (Yesaya 53:3). Kesimpulannya, oleh kerana kita tidak pernah menemukan di dalam Alkitab bahawa Kristus mengalami sebarang bentuk penyakit atau tidak sihat, tapi Alkitab mengesahkan Dia mengalami kesedihan dan kesakitan. Ini membuktikan bahawa Kristus tidak jauh berbeza dengan kita dalam segala perkara, kerana kita dan Kristus sama-sama manusia, tetapi tidak mengikut semua kelemahan dalam kudrat manusia kita. Model di bawah menunjukkan bagaimana kita boleh berbicara mengenai pengalaman-pengalaman Kristus sebagai manusia yang sebenar. Sebelum kita berbuat demikian, kita harus singkirkan semua tanggapan umum yang salah mengenai penjelmaan.

Sesetengah orang Kristian, bahkan segelintir ahli teologi, masih menganggap bahawa kudrat ilahi Kristus menguasai jiwa Kristus. Walaupun mereka bersedia untuk mengakui bahawa Kristus mempunyai tubuh manusia, namun mereka berfikir bahawa jiwa Kristus adalah peribadi Anak Allah itu sendiri. Tetapi kerana Yesus adalah manusia sepenuhnya, maka Dia memiliki jiwa yang menjadi dasar bagi setiap tindak tanduk akhlak-Nya, sama seperti jiwa kita. Jika Dia tidak mempunyai satu tubuh manusia dan satu jiwa manusia, maka penjelmaan itu tidak berlaku sepenuhnya, dan beberapa aspek kemanusiaan kita tidak dapat ditebus. Seperti kenyataan terkenal Bapa Gereja Awal, Gregorius dari Nazianzus menyatakan: 'Bahagian yang Dia tidak ambil, Dia tidak sembuhkan.'⁵

⁵ Ep. 202, to Nectarius in NPNF2, v. 7.

Sebagai kesimpulan, Stephen Charnock menggambarkan keajaiban ini dengan baik sekali: ‘Sungguh mengagumkan bahawa dua kudrat yang sangat jauh, harus dipersatukan lebih erat daripada apa-apa pun di dunia; namun tanpa sebarang kekeliruan! Bahawasanya peribadi yang sama harus mempunyai kemuliaan dan penderitaan; sukacita yang tak terhingga dalam keilahian, dan kesedihan yang tak dapat dijelaskan dalam kemanusiaan! Bahawa Allah yang bertakhta di singgahsana harus menjadi bayi di dalam palungan; Pencipta yang Maha Kuasa harus menjadi seorang bayi yang menangis dan seorang lelaki yang menderita; yang adalah ungkapan kekuasaan besar, dan kasih yang merendahkan, sehingga membuat manusia di bumi dan para malaikat di syurga berasa takjub.’⁶ Sesungguhnya penjelmaan adalah karya Allah yang paling agung.



Bolehkah Allah sendiri telah melakukan satu karya yang lebih besar daripada penjelmaan?

Dua Kudrat Dalam Satu Peribadi: Jadi?

Semua orang Kristian terikat untuk mengesahkan kebenaran penjelmaan, fakta bahawa Allah menjadi manusia. Walau bagaimanapun, kebenaran yang paling agung itulah yang sentiasa menjadi kebenaran yang paling banyak dipertikaikan. Perbahasan teologi yang sengit sering kali mendahului penulisan syahadat-syahadat. Ini adalah benar tentang Pengakuan Iman Ekumenikal, misalnya Pengakuan Iman Nicea (325 Masihi) dan Pengakuan Iman Kalsedon (451 Masihi). Pengakuan Iman Kalsedon menggariskan pengakuan mengenai peribadi Yesus Kristus di mana semua orang Kristian mesti menegaskannya jika mereka mahu menyebut diri mereka ortodoks. Walau bagaimanapun, bukan semua orang Kristian

⁶ *Existence and attributes*, 436.

menafsirkan Syahadat ini dengan cara yang sama. Ada yang berpendapat bahawa keringkasannya itu boleh mengundang kepada tafsiran yang berbeza-beza. Memang tak dinafikan, pelbagai tradisi menafsirkan Pengakuan Iman Kalsedon secara berbeza tanpa mempersoalkannya, dan kunci untuk memahami kepelbagaian ini adalah untuk melihatnya sebagai akibat dari konflik perbahasan Kristologi yang sengit pada abad kelima antara sekolah-sekolah pemikiran Alexandria dan Antiochene. Sekolah-sekolah ini terikat secara sejarah dengan ahli-ahli teologi mereka, iaitu Cyril dari Alexandria dan Nestorius dari Antiokhia.⁷ Sememangnya tidak cukup ruang untuk membincangkan perbahasan-perbahasan antara kedua-dua sekolah itu dalam buku yang ringkas ini. Walau bagaimanapun, Pengakuan Iman Kalsedon nampaknya merupakan suatu dokumen yang dapat dipersetujui oleh kedua-dua tradisi ini, suatu yang (mungkin mengejutkan segelintir orang) agak menyenangkan Nestorius.

Para sarjana terus membahaskan siapakah yang keluar sebagai pemenang dari segi bahasa Syahadat itu. Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka bersetuju bahawa Syahadat itu mengandungi penekanan Alexandria tentang kesatuan peribadi dan keilahian Kristus, dan penekanan Antiochene terhadap perbezaan antara kedua kudrat itu. Mungkin respon yang terlalu sederhana terhadapnya adalah mencadangkan bahawa kedua-dua penekanan ini adalah konsisten dengan satu sama lain. Lagipun, bukankah kita mengakui bahawa Yesus dari Nazaret itu adalah satu peribadi yang mempunyai dua kudrat? Sudah tentu sekali! Tetapi fokus utama perdebatan dalam perbahasan itu adalah berkenaan dengan identiti peribadi itu. Dalam erti kata lain, adakah kita mengidentifikasikan peribadi itu dengan Logos (pendirian Alexandria) atau dengan Kristus sepenuhnya (pendirian Antiochene – dan juga John Calvin)? Pertanyaan ini (yang akan dijawab di bawah) mempunyai makna yang khusus untuk

⁷ Pada pandangan saya, jika ada seorang ahli teologi yang pernah diwakili secara tidak adil dan disalah-fahami, dia adalah Nestorius.

bagaimana kita sampai kepada satu pemahaman Kristologi Reformed yang jelas.

Di dalam Gereja Barat, ahli-ahli teologi menegaskan perbezaan antara dua kudrat Kristus, yang *homoousios* ('satu kebenaran/inti pati) dengan kemanusiaan dan *homoousios* dengan Allah. Bagaimanapun, semua ahli-ahli teologi Katolik Roma, Lutheran dan Reformed memahami perbezaan ini dari sudut yang berbeza. Lazimnya, ahli teologi Katolik Roma (walaupun dalam tradisi ini ada beberapa trajektori yang berbeza dalam kebanyakan titik tumpuan teologi) memahami kesatuan kedua kudrat (kesatuan hipostatik) ini dalam satu cara yang bermaksud sifat ilahi, bak kata Herman Bavinck, "benar-benar meresap dan menetapkan kudrat manusia, seperti panasnya bahang besi, sehingga menjadikannya menyertai dalam kemuliaan, kebijaksanaan dan kekuasaan ilahi"⁸ Bukan sifat-sifat ilahi, tetapi kurnia-kurnia ilahi yang serta-merta terlihat dalam kudrat manusia Kristus sewaktu penjelmaan. Oleh sebab itu, Kristus bukan hanya seorang musafir di bumi, tetapi Dia juga adalah seorang yang memahami sepenuhnya apa yang mungkin difahami oleh kudrat manusia. Tidak seperti orang percaya yang hidup dengan iman dan bukan dengan penglihatan, Kristus berjalan dengan penglihatan.

Bavinck menambah bahawa menurut pandangan ini, maka Kristus tidak hidup dengan iman atau dalam harapan kerana 'segala kurnia di mana kudrat manusia Kristus diberikan kepada-Nya, tidak secara beransur-ansur tetapi sekali gus, pada penjelmaan-Nya... Yesus semakin membesar dan bijaksana (Lukas 2:52) harus difahami secara subjektif dan bukannya secara objektif. Ia seolah-olah begitu kepada orang lain. Begitu juga ketika Yesus berdoa, Dia tidak berdoa kerana adanya keperluan, tetapi hanya untuk kepentingan kita, untuk memberikan satu contoh dan tauladan kepada kita. Sebenarnya, Yesus tidak pernah seorang kanak-kanak; Dia

⁸ *Reformed Dogmatics: Sin and Salvation in Christ*, vol. 3 (Grand Rapids: Baker, 2006), 256.

adalah seorang dewasa sejak dari awal.⁹ Dari pandangan Katolik Roma, maka beberapa pertanyaan yang diajukan di permulaan bab ini telah pun terjawab berdasarkan pandangan mereka tentang hubungan antara dua kudrat Kristus itu. Jadi Yesus tidak perlu bertanya kepada ayah-Nya; apakah fungsi alat-alat tukang itu kerana Yesus sudah pun tahu; dan Yesus tidak perlu berdoa kerana Dia hidup bukan dengan iman, tetapi dengan penglihatan.

Kristologi Katolik Roma mempunyai satu persamaan dalam Lutheran. Sekali lagi, kerana ia juga bukan satu tradisi monolitik, Kristologi Lutheran dapat dirumuskan sebagai idea bahawa dalam kesatuan hipostatik, sifat-sifat ilahi dikomunikasikan dengan kudrat manusia Kristus. Lutheran masih lagi mengekalkan perbezaan antara kedua kudrat Kristus, tetapi mereka mendakwa bahawa kebanyakan sifat-sifat ilahi adalah secara langsung dan serta merta dikuasai oleh kudrat manusia pada penjelmaan Kristus. Jadi, sebagai contoh, kemahakuasaan (*omnipotence*) dikomunikasikan kepada kudrat manusia Kristus. Para ahli teologi Reformed mendapati pandangan ini bukan saja tidak boleh diterima, tetapi juga tidak masuk akal.

Kemahakuasaan adalah milik inti pati Allah. Dalam erti kata lain, menjadi maha kuasa bererti menjadi Allah. Dan Inti pati Allah tidak boleh dibahagi-bahagikan. Para ahli teologi menyebutnya sebagai '*simplicitas* sejati Allah' (*simplicitas Dei/simplicity of God*),¹⁰ yang bermaksud, Allah tidak terdiri daripada beberapa bahagian yang berlainan. Jadi kebijaksanaan Allah adalah kuasa-Nya, kuasa-Nya adalah kebaikan-Nya, dan begitulah seterusnya. Oleh kerana inti pati Allah tidak dapat dibahagikan, jadi kalau kemahakuasaan dikomunikasikan kepada kudrat

⁹ Ibid.

¹⁰ *Simplicitas* sejati Allah (istilah dipinjam dari Bahasa Latin: *Simplicitas Dei*; dalam Bahasa Inggeris: *Simplicity of God*), istilah teologi ini adalah konsep kesatuan Allah tentang esensi Allah yang sejati tanpa sebarang gabungan (Allah difahami sebagai benar-benar bebas dari sebarang atau semua komposisi). Ini memberi tahu kita bahawa setiap sifat Allah adalah sama dengan esensi-Nya.



manusia Kristus, maka semua kudrat keilahian lain juga begitu, termasuklah kekekalan dan kewujudan diri. Kudrat manusia akan menjadi Allah, padahal Allah tak boleh berubah dan menjadi yang lain. Ini akan bermakna Kristus sama sekali tidak memiliki kudrat manusia.

Satu implikasi lanjut daripada ini adalah bahawa Kristus tidak dapat menerima kemanusiaan-Nya pada waktunya kerana keabadian akan dikomunikasikan kepada kudrat manusia. Ini menjelaskan bagaimana Kristologi begitu rapat dengan perdebatan Perjamuan Tuhan (Perjamuan Kudus); Lutheran menegaskan kehadiran Kristus di dalam Perjamuan Kudus, dan kerana itulah mereka terpaksa membicarakan keabadian kudrat manusia Kristus, yang merupakan cara unik untuk memahami hubungan sifat-sifat dalam peribadi Kristus. Bavinck adalah betul dalam membantah kedua-dua pandangan ahli teologi Katolik Roma dan Lutheran dengan pengertian bahawa 'kedua-duanya meninggikan kudrat manusia melampaui batas-batas yang ditetapkan, dan membubarkannya dalam bentuk perkembangan manusia Yesus mahupun keadaan penghinaan-Nya.¹¹

Para ahli teologi Reformed menolak kedua-dua pandangan (Katolik Roma dan Lutheran) mengenai hubungan antara dua kudrat itu. Mereka melakukan ini kerana pepatah logik dan teologi yang penting, iaitu 'yang terbatas tidak dapat mengatasi yang tidak terbatas, atau yang terbatas tidak dapat memahami yang tidak terbatas'. Pepatah ini bukan sahaja benar tentang dua kudrat Kristus dalam keadaan penghinaan-Nya, tetapi juga saat Kristus ditinggikan. Oleh itu, ini bermakna bahawa sifat manusia Kristus itu mempunyai batasan; yang bermaksud bahawa Kristus sebenarnya mengalami pertumbuhan dari bayi hingga dewasa. Ini juga bermakna bahawa terdapat pergerakan yang nyata (bukan dibuat-buat) daripada penghinaan kepada peninggian pada kebangkitan-Nya. Inilah sebabnya mengapa Kristus boleh mengatakan pada

¹¹ Ibid., 257.

satu ketika dahulu dalam pelayanan-Nya: 'Tetapi tentang hari dan waktunya, tiada siapa yang tahu hari atau waktunya, baik para malaikat di syurga mahupun Anak. Hanya Bapa yang tahu' (Matius 24:36; Lukas 2:52). Petikan ini bercakap tentang jenis pembatasan dan perkembangan tertentu yang hanya mungkin jika kedua kudrat Kristus itu berbeza dan nyata.

Penerangan di atas menunjukkan bahawa penekanan tentang perbezaan antara kedua kudrat dalam satu peribadi itu tidak mencukupi. Persoalan yang lebih asas bagi kita adalah bagaimana kedua kudrat ini berkaitan antara satu dengan lain dalam peribadi Kristus. Inilah kelebihan dalam teologi Reformed.



Eutychnisme merujuk kepada ajaran Eutykhes dari Konstantinopel (378-454) yang mempunyai pemahaman kabur tentang hubungan antara dua kudrat Kristus. Singkatnya, kesilapannya berpunca daripada 'mencampur-adukkan' kemanusiaan dan keilahian Kristus; maksudnya, pandangan Eutykhes terhadap Kristus tidak akan membenarkan Kristus mempunyai kemanusiaan 'seperti kita dalam segala hal' (Ibrani 2:17). Perhatikan juga kenyataan dalam Pengakuan Iman Kalsedon, 'diakui dalam dua kudrat, tanpa kekeliruan, tanpa perubahan,' yang menentang pandangan Eutykhes. Ahli-ahli teologi dari pelbagai tradisi (mungkin tidak adil) telah mengkritik Kristologi Lutheran yang sangat menyerupai ajaran Eutykhes dalam beberapa aspek.



2

MANUSIA UNGGUL YANG PERNAH HIDUP

Pemberian Sifat-sifat (*Communicatio idiomatum*)

Bagaimana dua kudrat Kristus berkaitan antara satu sama lain adalah pertanyaan teologikal yang sangat penting. Sebagaimana yang telah pun dikupas dalam bab 1, Kristus adalah satu peribadi yang memiliki dua kudrat, tetapi ada lagi perkara yang perlu diterangkan dengan jelas bagaimana dua kudrat Kristus ini berkaitan antara satu sama lain. Ahli-ahli teologi Reformed menggunakan frasa ‘pemberian sifat-sifat’ atau ‘sama-sama memiliki sifat-sifat’ (*Bahasa Latin: communicatio idiomatum*) untuk menjelaskan hubungan ini. Dalam Pengakuan Iman Westminster (*Westminster Confession of Faith*), ‘pemberian sifat-sifat’ ini dijelaskan dalam bahasa yang cukup mudah untuk difahami: ‘Kristus, dalam pekerjaan-Nya sebagai Pengantara, bertindak menurut kedua kudrat, di mana setiap kudrat memainkan peranan masing-masing; namun, oleh kerana kesatuan peribadi itu, yang bersesuaian dengan satu kudrat itu, yang kadang-kala dalam Alkitab dikaitkan dengan peribadi yang diidentifikasi oleh kudrat yang satu lagi’ (8.7). Pernyataan ini sangat penting. Apa yang ditegaskan dalam Pengakuan itu adalah pandangan bahawa Kristus, Allah-manusia, bertindak menurut kedua kudrat. Apa maksud ini?



Kerja-kerja Kristus yang berwibawa (misalnya pengampunan dosa-dosa manusia, menjadi pengganti dalam kematian) adalah mungkin kerana kudrat ilahi-Nya. Namun, pekerjaan pelayanan Kristus itu bermula sejak usia dewasa-Nya. Walau bagaimanapun, memandangkan kedua-dua kudrat itu bersatu dalam satu peribadi, pekerjaan-pekerjaan Kristus itu adalah pekerjaan-pekerjaan Allah-manusia, dan bukannya semata-mata pekerjaan manusia. Aspek Kristologi ini mengundang perselisihan pendapat yang hebat di antara ahli teologi Reformed dan ahli teologi Katolik Roma. Misalnya ahli teologi Katolik Roma yang bernama Robert Bellarmine, yang menegaskan bahawa Kristus melakukan peranan-Nya sebagai pengantara adalah menurut kudrat manusia-Nya saja, kerana jika Kristus adalah benar-benar Allah (yang menurut kudrat ilahi-Nya), mana mungkin Allah menjadi pengantara bersama diri-Nya sendiri? Ahli-ahli teologi Reformed mempertahankan bahawa Kristus haruslah difahami sebagai Allah, sebagai manusia, dan sebagai Allah-manusia (pengantara). Sebagai Allah, Kristus sama dengan Bapa dan Roh Kudus. Sebagai manusia, Kristus adalah (dan selalunya akan) berserah kepada Bapa dan Roh Kudus. Dalam peranan-Nya sebagai pengantara, Anak dengan rela menundukkan diri-Nya kepada Bapa dan menjadi pengantara bagi umat pilihan Allah. Oleh itu, pekerjaan yang dilakukan oleh Kristus bukan sekadar pekerjaan seorang manusia; mereka adalah pekerjaan-pekerjaan seorang pengantara, yang sepenuhnya Allah dan yang sepenuhnya manusia. Jadi, nilai kematian Kristus adalah tak terhingga kerana nilai peribadi-Nya itu. Dalam erti kata lain, seseorang yang merupakan seorang manusia biasa saja tidak akan mampu melunaskan hutang-hutang dosa kepada Allah bagi sejumlah besar orang yang tak terkata banyaknya. Namun kerana Kristus memiliki kudrat manusia yang sejati, Dia mampu melunaskan hutang itu bagi semua manusia yang berdosa.

Di dalam Kitab Suci, ada beberapa contoh di mana versi pemberian sifat-sifat Reformed membolehkan kita memahami teks tersebut. Contoh yang selalu menjadi rujukan adalah dari

Kisah Para Rasul 20:28, 'Jagalah dirimu dan semua kawanank kerana kamulah yang telah diamanahkan Roh Kudus untuk menjadi penyelia bagi menggembalakan jemaah Allah yang telah ditebus-Nya dengan darah-Nya sendiri.' Walaupun para sarjana berbalah dalam memperdebatkan bagaimana untuk mentafsirkan ayat ini, tetapi saya yakin penterjemahan itu betul untuk menyampaikan gambaran bahawa gereja telah ditebus oleh darah Allah. Sudah tentu Allah tidak mempunyai darah, tetapi Kristus, sebagai manusia sejati, dapat menumpahkan darah-Nya di kayu salib. Berdasarkan doktrin pemberian sifat-sifat, 'bahawa apa yang wajar untuk satu kudrat kadangkadangk dalam Kitab Suci dikaitkan dengan peribadi yang diidentifikasi oleh kudrat lain' (WCF 8.7). Jadi, darah manusia yang ditumpahkan di atas salib itu boleh disebut darah Allah kerana itu adalah darah Kristus yang adalah Allah. Ini juga menunjukkan betapa pentingnya untuk mempertahankan kesatuan peribadi Kristus. Contoh yang lain adalah pernyataan Kristus yang terkenal dalam Yohanes 8.58: 'Yesus berkata kepada mereka, "Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, apa yang Kukatakan ini benar, sebelum Abraham dilahirkan Aku sudah ada." Kekuatan pernyataan ini tidak hilang kepada orang Yahudi yang bertindak dengan mengambil batu-batu untuk merejam Kristus, kerana dalam fikiran mereka, itu adalah satu penghujatan kepada Allah. Kristus dilahirkan kira-kira 30 tahun sebelum Dia mengatakan kata-kata ini, tetapi kerana Dia bukanlah semata-mata manusia, tetapi juga sepenuhnya Allah (Anak yang kekal), Dia boleh membuat satu pernyataan dalam bentuk manusia tentang kewujudan-Nya yang abadi.

Sehubungan dengan doktrin ini, para ahli teologi Reformed telah membezakan dengan teliti antara 'seluruh Kristus' dan 'keseluruhan Kristus'. Seluruh Kristus ada di mana-mana (maha hadir), tetapi bukan keseluruhan Kristus. Kesatuan peribadi itu membenarkan yang terdahulu, tetapi perbezaan kedua kudrat itu bermaksud keseluruhan Kristus tidak dapat hadir di mana-mana. Dalam erti kata lain, seluruh Kristus berkaitan dengan peribadi-Nya, yang semestinya berada di mana-mana (Maha hadir) menurut kudrat ilahi-Nya, sebaliknya, keseluruhan Kristus

berbicara tentang kedua-dua kudrat-Nya, dan kudrat manusia tidak ada di mana-mana.

Adakah Kristus Mempunyai Satu Atau Dua Kehendak?

Penerangan di atas telah menjelaskan bahawa Kristus adalah sepenuhnya Allah dan sepenuhnya manusia; Dia memiliki dua kudrat, tetapi Dia adalah satu peribadi. Seringkali saya bertanya kepada pelbagai orang, dari calon-calon Presbytery (yang bakal memegang jawatan) kepada anggota jemaah saya, 'Adakah Kristus mempunyai satu kehendak atau dua kehendak?' Di kebanyakan waktu, ramai menjawab 'Kristus mempunyai satu kehendak'. Tetapi ini tidak betul. Gereja Awal bergumul dengan persoalan ini, dengan kumpulan monothelites (yang mengakui bahawa Kristus mempunyai satu kehendak saja) telah dikutuk pada tahun 680-682 oleh Majlis Ekumenikal ke-6 (Majlis Constantinople III) yang menolak pandangan monothelitism dan menegaskan duotheletism (Kristus mempunyai dua kehendak). Ada yang memahami kesatuan dua kudrat dalam satu peribadi itu membayangkan bahawa Kristus mempunyai satu kehendak. Masalah dengan pemikiran sebegini pada dasarnya adalah masalah yang sama yang dihadapi oleh Lutheran ketika mereka berbicara tentang sifat-sifat keilahian yang dikomunikasikan kepada kudrat manusia Kristus. Kehendak Allah adalah satu sifat penting, dan untuk mengkomunikasikan sifat yang khusus itu adalah untuk menyampaikan semua sifat Allah – suatu ontologikal yang agak mustahil.



Oleh itu, kami mengisytiharkan bahawa di dalam Kristus terdapat dua kehendak semulajadi dan dua pelaksanaan semulajadi, yang sering berlaku dan tanpa pembahagian: tetapi kami mengusir dari Gereja dan benar-benar tertakluk kepada laknat semua hal baru yang melebihi-lebih, serta para pencipta mereka: iaitu Theodore

dari Paran, Sergius dan Paul, Pyrrhus, dan Peter (yang merupakan archbishop dari Constantinople), lebih-lebih lagi Cyrus yang memegang jawatan paderi di Alexandria bersama Honorius yang dahulunya penguasa Roma ketika dia mengikuti mereka dalam hal-hal sedemikian. Di samping itu, dengan alasan terbaik kita mengutuk dan menurunkan Macarius, yang adalah uskup Antioch, bersama pengikutnya Stephen (atau sebaliknya kita harus mengatakan tuannya), yang cuba mempertahankan kelakuan mereka terdahulu, dan secara ringkas mengapi-apikan seluruh dunia dengan surat-surat jengkel mereka dan penipuan dari institusi-institusi mereka yang berbaur tipu muslihat untuk menghancurkan ramai orang di setiap arah. Demikian juga Polychronius yang sudah lanjut usia tetapi berfikir seperti budak hingusan, yang berjanji akan membangkitkan orang mati dan mentertawakannya bila hal itu tak terjadi; dan semua yang telah mengajar, atau sedang mengajar, ataupun yang memandai-mandai mengajar satu kehendak dan satu pelaksanaan dalam penjelmaan Kristus....

Laporan Majlis Ekumenikal Ke-6 kepada Kaisar tentang kecaman mereka terhadap para monothelites, termasuk Honorius, Paus Roma.

Tambahan pula, Kristus bukan benar-benar manusia jika kehendak-Nya adalah ilahi. Sebagai manusia sejati, Dia semestinya memiliki kehendak manusia yang sejati. Tetapi kerana Kristus adalah sepenuhnya Allah, maka Dia juga memiliki kehendak ilahi. Jadi, Kristus memiliki dua kehendak. Kepentingan ini tidak boleh dilebih-lebihkan. Kehendak manusia Kristus adalah perlu bagi-Nya untuk menjadikan ketaatan sejati sebagai pengganti umat-Nya. Kadang-kadang kita terlupa bahawa doktrin perbenaran tidak jauh beza dengan Kristologi dan Soteriologi. Malah, Kristologi adalah Soteriologi. Orang Anabaptis pada abad ke-16 berpendapat bahawa peribadi Logos hanya mengambil tubuh seorang manusia, tetapi tidak mempunyai kudrat manusia yang sepenuhnya. Tidak hairanlah

mengapa mereka menolak doktrin Protestan tentang 'diperbenarkan oleh iman sahaja'. Pemikiran seperti ini mesti ditentang keras demi Kristus, yang kepatuhan-Nya kepada kehendak Bapa-Nya adalah kepatuhan yang timbul dari kasih kepada Allah dengan segenap hati-Nya, jiwa-Nya, fikiran-Nya dan kekuatan manusia-Nya. Ketaatan ini adalah contoh kepatuhan yang memberi gambaran bahawa Kristus bukan saja taat untuk diri-Nya, tetapi juga untuk umat-Nya, sama seperti ketidaktaatan Adam adalah gambaran dan akibat untuk semua keturunannya (Roma 5:12-19).

Dalam Kitab Suci kita perhatikan bahawa Anak sentiasa mengesahkan bahawa Dia melakukan kehendak Bapa-Nya. Oleh itu dalam wacana roti hidup-Nya, Kristus menegaskan: 'Aku turun dari syurga bukanlah untuk melakukan kehendak-Ku sendiri tetapi kehendak Dia yang mengutus-Ku' (Yohanes 6:38). Begitu juga dalam Yohanes 10:17-18, Kristus mendakwa bahawa sebab mengapa Bapa-Nya mengasihinya adalah kerana Dia menyerahkan nyawa-Nya untuk domba-domba. Kemudian Dia menegaskan bahawa kematian pengorbanan-Nya adalah perintah yang diterima dari Bapa-Nya. Menegaskan bahawa Kristus mempunyai satu kehendak, bukan dua kehendak adalah sama seperti mempersetujui bidaah Trinitarian yang mengatakan bahawa ada banyak kehendak dalam Allah; kerana Kristus membezakan kehendak-Nya dari kehendak Bapa dalam ayat-ayat tersebut. Ini juga tidak boleh diterima. Allah adalah satu, dan oleh itu satu dalam pengetahuan dan kehendak. Hanya Anak yang diutus untuk menjelma, tetapi pengutusan ini adalah atas kehendak dan dilaksanakan oleh ketiga-tiga peribadi kerana segala yang Tritunggal lakukan tidak pernah dilakukan secara berasingan; iaitu, ketiga-tiga peribadi bekerja serentak dan tidak dapat dipisahkan dalam setiap pekerjaan Allah. Ada kerja-kerja tertentu ditamatkan pada satu peribadi (misalnya, pengudusan yang dikhaskan kepada Roh Kudus), meskipun ketiga-tiga peribadi sememangnya terlibat. Untuk melakukan kehendak Bapa adalah melakukan kehendak Allah Tritunggal. Oleh

demikian, kehendak manusia Kristus adalah sepenuhnya berserah dan taat kepada kehendak Allah. Apa yang dituntut oleh Bapa dari Kristus adalah ketaatan yang sepenuhnya kepada kehendak-Nya, bahkan sejak kelahiran Yesus. Walau bagaimanapun, sebelum kita melanjutkan pemahaman kita tentang ketaatan Kristus, pertanyaan penting dan yang selama ini menjadi tanda tanya ramai orang perlu ditangani, 'Bolehkah Kristus berdosa?'

Bolehkah Kristus Berbuat Dosa?

Jika kita mengesahkan bahawa Kristus mempunyai dua kehendak, bukan satu, apakah itu membuka peluang Kristus boleh berbuat dosa? Atau apakah Kristus sempurna tanpa cacat cela? Penulis Ibrani menjelaskan bahawa Kristus sebenarnya telah digoda dalam segala hal, sama seperti kita, tetapi Kristus tidak melakukan dosa (Ibrani 4:15). Adakah itu mengundang kebarangkalian bahawa Kristus mungkin berdosa? Beberapa ahli teologi telah mendakwa bahawa godaan-godaan Kristus itu hanya benar-benar nyata jika Kristus juga boleh berbuat dosa. Mungkin ada logik untuk pandangan itu. Memang tak dinafikan bahawa menurut kudrat keilahian-Nya, Kristus tidak dapat digoda dan tidak dapat berdosa (Yakobus 1:13). Tetapi kita juga telah sedia maklum bahawa Kristus memiliki kudrat manusia yang sejati yang terdiri daripada tubuh dan jiwa. Dan kita juga tahu bahawa Kristus telah digoda, dan godaan-godaan itu adalah nyata.

Menurut kudrat manusia Kristus, mengutip kata-kata Donald Macleod, 'Dia merasakan pujuk rayu terhadap hasutan-hasutan dosa yang ditujukan kepada-Nya, dan Dia harus berjuang dengan segala kekuatan-Nya untuk menentang mereka.'¹ Akan tetapi, tiada satu pun keinginan untuk berbuat dosa di lubuk kudrat manusia Kristus. Memandangkan kelemahan-kelemahan yang ditanggung Kristus (rujuk bab 1), Dia memiliki kelemahan-

¹ *Person of Christ* (Downers Grove: InterVarsity Press, 1998), 226.

kelemahan yang biasanya dirasakan manusia, misalnya kelemahan yang membuatkan-Nya tertakluk kepada kelaparan. Justeru itulah Iblis datang menggoda kelemahan itu dengan harapan Kristus tidak akan bergantung pada Allah tetapi pada roti saja. Tetapi, berbalik kepada pertanyaan awal kita, adakah mungkin Kristus tergoda dengan godaan-godaan dari si Iblis?

Jawapan ringkasnya adalah 'tidak'. Godaan-godaan itu sememangnya nyata, dan lebih-lebih lagi kerana begitu banyak yang dipertaruhkan, namun Kristus sekali-kali tidak mengalah (Ibrani 10:38); tetapi kerana identiti peribadi Kristus, adalah mustahil bagi Kristus berbuat dosa. Ahli teologi Reformed dari Amerika, W.G.T. Shedd, merumuskan dengan baik: 'Apabila Logos menyatu dengan satu kudrat manusia, sehingga membentuk satu peribadi dengannya, dia menjadi bertanggungjawab atas semua yang dilakukan oleh peribadi itu melalui instrumen sifat itu... Sekiranya Yesus Kristus berbuat dosa, maka Allah yang menjelma itu akan berdosa.'² Selain itu, satu pertimbangan tambahan adalah bahawa selain daripada persoalan ketidaksempurnaan semulajadi, adalah mustahil bagi Kristus untuk berbuat dosa kerana ia bukan dalam ketetapan Allah. Segala tindakan Kristus terlibat dalam ketetapan Allah yang berdaulat dalam cara yang sama dengan kita, dengan perbezaan penting bahawa Kristus berada di pusat ketetapan Allah, kita dipilih untuk kemuliaan Kristus.



Doketisme berasal dari perkataan Yunani 'dokesis' yang bermaksud kelihatan/muncul. Bidaah ini melihat tubuh jasmani Kristus sebagai 'rohani'. Dalam erti kata lain, bidaah awal ini (abad ke-2) mencadangkan bahawa Kristus hanya seolah-olah mempunyai tubuh manusia, dan oleh itu hanya kelihatan menderita dan tergoda. Menurut pandangan ini, Kristus hanyalah satu roh yang memancarkan penampilan sebagai manusia di bumi.

² Dipetik dari Macleod, *Person of Christ*, 230.

Oleh yang demikian, Kristus tidak melakukan apa-apa dosa sepanjang hidup-Nya di dunia, walaupun Dia telah dicubai dengan berbagai jenis godaan (Ibrani 4:15). Dia bertahan tanpa dosa sehingga ke akhirnya dan kerana itulah Dia merasakan kekuatan penuh godaan-godaan – di mana kita yang dapat menentang hanya buat seketika tidak dapat merasakannya. Realiti godaan-godaan Kristus semakin meningkat kerana Dia tidak pernah mengalah kepada mereka di sepanjang hidup-Nya. John Murray membahas masalah ini dengan jelas: ‘Kerana kekudusan Kristus yang sempurna tanpa cela itulah yang menguatkan lagi intensiti kesedihan godaan. Untuk orang yang lebih salih, semakin banyak kesulitan yang dihadapi dengan kegiatan yang bertentangan ... Dalam kes Tuhan kita, ini adalah satu tahap yang tiada tolok bandingnya kerana kesempurnaan-Nya.³ Mungkin pandangan ini ada juga benarnya; meskipun dalam kudrat manusia-Nya, tidak pernah terlintas sekali pun dalam fikiran Kristus bahawa adalah mustahil untuk Dia berbuat dosa – yang menambahkan satu perspektif baru kepada keunggulan kekudusan Kristus. Daripada melakukan dosa, Kristus menjalani kehidupan dengan ketaatan yang sempurna, yang bermula bukan pada pembaptisan-Nya, tetapi dari saat penghamilan lagi; Ia adalah satu ketaatan pada tahap yang tak dapat kita fahami sepenuhnya dalam batasan kita yang berdosa – ingatlah bukan saja setiap tindakan, tetapi juga setiap pemikiran Kristus telah diarahkan kepada kesudahan yang telah ditentukan – tetapi ketaatan yang kita tetap syukuri dan kagumi.

‘Engkau Membuat Aku Percaya Ketika Aku Masih Disusui Ibuku’

Rancangan penyelamatan Allah berakar pada keabadian. Ramai ahli teologi Reformed dari abad ke-17 dan seterusnya berbicara tentang penyelamatan dari segi perjanjian penebusan

³ Iain Murray, *The Life of John Murray* (Edinburgh: The Banner of Truth Trust, 2007), muka surat 211–12.



yang kekal, di mana peribadi Tritunggal bersepakat untuk menyelamatkan manusia dari dosa. Dalam penebusan; Bapa menentukan, Anak menebus, dan Roh Kudus menerapkan manfaat-manfaat pekerjaan pengantaraan Kristus. Sifat penyelamatan Tritunggal ini dapat dilihat dalam Efesus 1. Tetapi jika Anak secara bebas bersetuju dalam karya agung ini dari kekekalan, itu bukan kudrat manusia Kristus yang sepakat dengan persetujuan perjanjian ini. Oleh yang demikian, terdapat pembaharuan persetujuan pada saat penjelmaan Kristus, yang kemudiannya ditegaskan di sepanjang kehidupan Kristus, bahkan sehingga kematian-Nya. Kehendak manusia Kristus akan bersetuju dengan rancangan penebusan. Petikan Ibrani 10:5-7 memberi pencerahan tentangnya:

Oleh itu, apabila Kristus datang ke dunia, Dia berkata: "Korban dan persembahan tidak Kau ingini, Tetapi Engkau telah menyediakan tubuh bagi-Ku. Persembahan dan korban bakaran penghapus dosa tidak Kau redai. Kemudian Aku berkata, 'Lihatlah, Aku telah datang – dalam naskah kitab tersurat tentang-Ku – Untuk melakukan kehendak-Mu, Ya Allah.' "

Kata-kata ini mengajar kita bahawa Kristus datang untuk melakukan kehendak Allah. Tapi bila pula Kristus mengucapkan kata-kata ini? Ini adalah satu soalan yang sukar dan mungkin di luar pemahaman kita. Walau bagaimanapun, kerana ada ruang untuk perkembangan sifat manusia Kristus, kita juga boleh katakan bahawa Dia tidak mengucapkan kata-kata ini sewaktu Dia masih bayi yang baru lahir kerana Dia perlu belajar bercakap sebagaimana anak-anak yang lain. Apa yang kita tahu ialah bahawa Yesus 'semakin membesar dan bijaksana. Dia diredhai Allah dan manusia' (Lukas 2:52). Membesar dalam hikmah dan kebijaksanaan adalah sesuatu yang dialami oleh Kristus sendiri, dan bukannya seperti yang dibayangkan oleh beberapa orang sebagai 'hanya bagaimana ia kelihatan kepada orang lain'. Sebaliknya, menurut nyanyian hamba yang ketiga ('ketaatan Hamba Allah') dalam kitab Yesaya, Bapa 'mengurniakan lidah seorang murid' kepada Kristus; malah,

'pagi demi pagi', Bapa membangunkan Kristus untuk mendengar seperti seorang murid. Dalam petikan yang sama kita mendapati bahawa Kristus 'tidak memberontak' dan juga tidak 'mundur', tapi menyerahkan 'belakang-Nya kepada orang yang memukul-Nya dan pipi-Nya kepada orang yang mencabut janggut-Nya' (Yesaya 50:4-6).

Apabila Kristus datang ke dunia, Dia mempercayai Bapa-Nya ketika Dia masih disusui ibu-Nya (Mazmur 22:9). Tidak dapat disangsikan dari bibir Kristus, Allah telah menetapkan kemuliaan-Nya (Mazmur 8:1). Oleh itu, seperti yang dikatakan oleh Thomas Goodwin, 'sejak dari pertama kali Kristus melakukan sesuatu...kehendak-Nya dipimpin untuk mengarahkan tujuan dan niat-Nya kepada Allah sebagai Bapa-Nya, dari diri-Nya sebagai pengantara.'⁴ Sebagai seorang bayi dan anak kecil, Yesus sudahpun menetapkan segala tindakan, fikiran, dan keinginan-Nya kepada Allah dan kemuliaan-Nya. Goodwin menambah lagi: 'Oleh itu, sejak Kristus masih bayi lagi, prinsip-prinsip kudus seperti itu sudah pun memberikan petunjuk kepada-Nya, yang adalah kehendak Allah bagi-Nya, yang akan dikerjakan-Nya; dan yang akan memimpin dan menetapkan segala tindakan dan fikiran-Nya, demi penyelamatan dan perbenaran kita, yang sungguh-sungguh berusaha dengan kesanggupan, yang kian lama kian bertambah.'⁵

Berdasarkan nyanyian hamba yang ketiga ('ketaatan Hamba Allah') dan ayat-ayat Kitab Suci lain yang bersangkutan, pendek kata, kita boleh menyimpulkan bahawa Yesus semakin memahami panggilan Mesianik-Nya melalui pembacaan dari Kitab Suci. Yesus perlu mempelajari Kitab Suci seperti yang kita juga harus lakukan. Sudah tentulah Dia adalah ahli teologi yang paling hebat yang pernah hidup. Pengetahuan dari pembacaan Kitab Suci oleh Yesus pasti akan membebaskan semua permasalahan yang sering melanda orang Kristian yang salah menafsirkan ayat-ayat dan menyumbang pandangan-

⁴ *Christ the Mediator*, V.143.

⁵ *Ibid.*

pandangan sendiri yang menyimpang dari teks. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh membayangkan bahawa Kristus mempunyai semua jawapan ketika Dia masih bayi, dan hanya menunggu untuk memulakan pelayanan-Nya pada usia tiga puluh tahun tanpa berbuat apa-apa dalam sehari-hari untuk mengerjakan ketaatan kepada kehendak Bapa.

Seperti yang dinyatakan oleh Christopher Wright, Perjanjian Lama membolehkan Yesus untuk memahami diri-Nya. Jawapan kepada identiti-Nya sendiri datang dari Alkitab-Nya, 'Kitab Suci Ibrani di mana Dia menemukan tapestri kaya tentang tokoh-tokoh sejarah, gambar-gambar nubuatan dan lambang-lambang penyembahan. Dan dalam tapestri ini, di mana orang lain hanya melihat koleksi pelbagai tokoh dan harapan, Yesus melihat wajah-Nya sendiri. Alkitab Ibrani-Nya menyatakan bentuk identiti-Nya.'⁶ Sudah pastilah, syarat-syarat Allah bagi raja-raja Israel tidak ada bezanya dengan Kristus, yang akan memenuhi Ulangan 17:18-20 dengan ketaatan yang tidak dapat dipenuhi oleh mana-mana raja.



Dalam Yohanes 17:5, Yesus berdoa, 'Bapa, muliakanlah Aku sekarang dengan kemuliaan yang Kumiliki bersama-Mu sebelum dunia ini dijadikan.' Bagaimana Kristus tahu tentang kemuliaan yang Dia miliki bersama Bapa sebelum dunia ini dijadikan?

Ini membantu kita menghargai betapa sulitnya pekerjaan Kristus demi mencapai penyelamatan kita, kerana Dia harus belajar untuk memahami apa yang harus dilakukan. Sepanjang usia-Nya, tak pernah sekalipun Kristus hidup dalam kejahilan yang tidak mengambil peduli apa yang perlu diketahui-Nya, malah Dia dikehendaki untuk belajar. Jika Kristus terpaksa belajar tentang panggilan-Nya dengan membaca Kitab Suci dan

⁶ Christopher Wright, *Knowing Jesus through the Old Testament* (Downer's Grove: IVP, 1992), 108.

menerima pengajaran harian dari Bapa-Nya, apatah lagi kita ini, yang harus bertekun membaca Kitab Suci, dan bersandar kepada Allah untuk mempelajari bagaimana untuk menjalani kehidupan yang menyenangkan-Nya.

Hidup Dengan Iman?

Orang Kristian adalah mereka yang hidup dengan iman dalam Anak Allah yang mengasihi kita dan telah mati untuk kita (Galatia 2:20). Kehidupan yang berlandaskan iman adalah cara orang Kristian bermula dan terus berlanjutan sampai dia mati, sehinggalah akhirnya iman itu berubah menjadi penglihatan. Tetapi bagaimana pula dengan Kristus? Adakah Dia hidup dengan iman? Jawapan ringkasnya adalah 'ya'; Kristus adalah Pelopor dan Penyempurna iman kita sebab Dialah teladan ulung bagi iman yang sempurna (Ibrani 12:2).

Kristus adalah orang beriman yang paling unggul yang pernah hidup di muka bumi. Malah, Kristus mempunyai satu iman untuk perbenaran; iaitu, berdasarkan salah satu daripada banyak janji yang Dia terima kerana menjadi pengantara yang setia. Dia mempunyai satu iman yang Allah akan meneguhkannya. Kristus tidak memandang kepada orang lain untuk kebenarannya, tetapi Dia melihat kepada Bapa-Nya untuk diperbenarkan. Seperti yang dinyatakan oleh nyanyian hamba yang ketiga ('ketaatan Hamba Allah'), Tuhan Allah menolong Kristus yang menetapkan hati-Nya seteguh batu api dan percaya bahawa Allah tidak akan memalukan-Nya, sebaliknya membenarkannya (Yesaya 5:8; Lihat juga 1 Timotius 3:16; Yohanes 16:8-11). Kesetiaan Kristus dilaksanakan bukan hanya untuk diri-Nya sendiri, tetapi juga untuk umat-Nya. Surat Ibrani meyakinkan kita mengenai komponen penting ini tentang apa yang dimaksudkan benar-benar menjadi manusia. Selalunya pengisytiharan mengenai iman Kristus sentiasa seiring dengan janji-janji yang dibuat oleh Bapa kepada-Nya. Dengan cara yang sama, orang Kristian juga diperintahkan untuk mempercayai Allah bagi semua berkat penyelamatan yang dijanjikan kepada mereka yang

setia. Ibrani 2 mewakili salah satu kesaksian yang paling jelas kepada kemanusiaan Kristus yang terdapat di dalam Alkitab. Dalam Ibrani 2:13, Yesaya 8:17 diterapkan kepada Yesus yang meletakkan kepercayaan-Nya kepada Allah.

Sebagai Perintis penyelamatan umat-Nya, Yesus menjadi orang percaya yang benar dan setia, di mana saudara-saudara (orang beriman) juga berkongsi kepercayaan dan kebergantungan yang sama kepada Allah. Apa pun juga berkat-berkat penyelamatan yang diterima oleh orang Kristian dari Yesus, semua berkat itu haruslah benar untuk Kristus sendiri, yang adalah sumber penyelamatan yang kekal (Ibrani 5:9). Sama ada iman (Ibrani 2:13), penentuan (1 Petrus 1:20), perbenaran (1 Timotius 3:16), pengudusan (Yohanes 17:19) ataupun pemuliaan (Yohanes 17:5), kesemua kurnia ini akhirnya diberikan kepada Kristus, yang kemudian memberikan kurnia-kurnia yang sama kepada pengantin perempuan-Nya.

Jadi, rancangan atau pelan penyelamatan adalah Kristologi, bukan antropologi, yang berpusat kepada Kristus: ia berpusat kepada Kristus, bukan kepada pengalaman penyelamatan kita. Apa saja yang kita terima mestilah berasal dari Ketua/Kepala kita (yakni Kristus). Sebab orang Kristian menerima iman sebagai kurnia dari Allah adalah kerana kehidupan iman Kristus yang sempurna, ketika Dia menyerahkan diri-Nya kepada kehendak Bapa-Nya dan percaya kepada Bapa-Nya untuk memelihara dan membalas-Nya sesuai dengan syarat perjanjian penebusan.



Anugerah Kristus yang terbesar adalah iman-Nya. Keteguhan iman-Nya adalah penawar bagi dosa-dosa terbesar kita, iaitu ketidakpercayaan. Adalah betul dari segi teologikal untuk mengatakan bahawa Yesus mempunyai satu iman bagi perbenaran dan pengudusan-Nya supaya kita juga dapat mempunyai satu iman untuk perbenaran dan pengudusan kita.

Ibrani 2, tentu saja, bukanlah satu-satunya pernyataan tentang iman Kristus. Ibrani 5:7-8 memberikan gambaran grafik yang lain tentang apa yang dimaksudkan bahawa Kristus adalah benar-benar manusia: 'Pada waktu Yesus di bumi, Dia memohon doa dengan rayuan dan ratap tangis kepada Allah yang berkuasa menyelamatkan-Nya daripada kematian, dan Allah telah mendengarkan-Nya kerana kesalihan-Nya. Sungguhpun Dia Anak, namun Dia belajar untuk taat melalui apa yang ditanggung-Nya.' Berdasarkan kata-kata ini, kita dapat menangkis tanggapan-tanggapan yang mengatakan bahawa permohonan doa-doa Kristus itu hanyalah satu pertunjukan semata-mata. Kesukaan penuh kasih ilahi dan kehidupan penglihatan tidak dinikmati oleh Kristus sehinggalah Dia bangkit dari kematian dan diangkat ke syurga untuk duduk di sebelah kanan Bapa. Tetapi sebelum itu, kesusahan dan penderitaan-Nya bukan hanya bersifat luaran (yang datang dari kuasa-kuasa musuh), tetapi juga dalaman di mana Dia harus berdoa kepada Bapa-Nya dengan 'rayuan dan ratap tangis.'

Sama seperti anugerah iman berakar dalam iman Kristus semasa Dia melayani di bumi, begitulah juga orang Kristian harus berdoa kerana Kristus adalah teladan sebagai orang yang berdoa. Tak seorang pun pernah berdoa seperti Kristus. Pengertian, pemikiran, permohonan, kegigihan, dan penghormatan-Nya semuanya adalah sebahagian daripada kehidupan doa-Nya. Dan tidak ada persoalan bahawa ketika Dia berdoa, segenap syurga senyap sunyi kerana Bapa berasa senang mendengar rayuan Anak yang dikasihi-Nya. Tetapi, jika kita menganggap Kristus dengan cara yang telah dilakukan oleh ahli-ahli teologi Lutheran dan Katolik Roma, maka sangat mustahil untuk kita memahami ayat-ayat dari Ibrani 2:13 dan 5:7-8 ini. Banyak lagi yang boleh dibincangkan dan perlu dikupaskan mengenai kehidupan doa dan iman Kristus (suatu perbuatan iman). Tetapi, ada satu lagi aspek penting dari Reformed Kristologi yang dapat memberikan kita gambaran yang lengkap mengenai peribadi Kristus, iaitu: dengan kuasa apakah Kristus melakukan mukjizat, menentang godaan, berdoa kepada Bapa-Nya, hidup dengan iman, dan menyerahkan diri-

Nya di kayu salib? Mungkin jawapan ini akan mengejutkan beberapa orang, tetapi Kitab Suci jelas menyatakannya.

Kristus Dan Roh Kudus

Andaikata kita berhujah bahawa kudrat ilahi Kristus bertindak melalui kudrat manusia, dengan demikian membolehkan Kristus melakukan mukjizat. Jadi, apakah peranan Roh Kudus dalam kehidupan Kristus? Pertanyaan ini sangat penting, dan mungkin ramai orang Kristian tidak pernah terfikir selama ini. Pada pandangan saya, teologi Cyril dan tradisi Alexandria tidak dapat memberikan peranan penting kepada Roh Kudus dalam kehidupan Kristus. Malah, saya juga tak fikir Katolik Roma dan Lutheran dapat memberikan penjelasan yang sewajarnya bagaimana Roh Kudus berkaitan dengan Kristus dalam dua keadaan-Nya yang direndahkan dan ditinggikan. Cyril berhujah bahawa Logos adalah satu-satunya ejen yang berkesan yang bekerja dalam kudrat manusia. Hubungan tidak simetris antara kedua kudrat ini memperlihatkan pekerjaan Roh kepada Kristus yang berlebihan. Di samping itu, jika pandangan Lutheran adalah betul bahawa terdapat satu pemberian sifat-sifat (dari ilahi kepada manusia), jadi mengapa Kitab Suci memberikan peranan yang bermakna kepada Roh Kudus berhubung dengan pelayanan Kristus di bumi (dan di syurga)? Seperti yang dikatakan oleh Bavinck, ‘Walaupun Kristologi Lutheran masih berbicara tentang anugerah-anugerah, ia sebenarnya tidak tahu apa yang harus dilakukan dengan anugerah-anugerah tersebut, dan tidak lagi mempunyai ruang bahkan untuk pengurapan Kristus dengan Roh Kudus.¹⁷ Demikian pula ahli teologi Puritan Isaac Ambrose bertanya, jika versi Lutheran mengenai pemberian sifat-sifat itu betul, ‘apa sebenarnya peranan anugerah-anugerah itu, yang Kristus perolehi melebihi dari hadnya?’¹⁸

⁷ *Reformed Dogmatics*, III.309.

⁸ *Looking Unto Jesus: A View of the Everlasting Gospel [...]* (Pittsburgh: Luke Loomis & Co., 1882), 514

Para ahli teologi Reformed sangat berhati-hati untuk menegaskan integriti kedua-dua kudrat itu. Oleh itu, seperti yang telah dijelaskan di atas, yang terbatas (kudrat manusia) tidak mampu memahami yang tak terbatas (kudrat ilahi), walaupun dalam kesatuan yang paling mungkin sekalipun, seperti dalam kes Kristus. Pada abad ke-17, John Owen membuat satu kenyataan luar biasa yang mungkin mengejutkan ramai orang pada hari ini. Dia mengesahkan bahawa 'satu-satunya tindakan tunggal yang langsung dari peribadi Anak pada kudrat manusia adalah pengandaian-Nya kepada kehidupan-Nya sendiri.'⁹ Ini bermakna bahawa Roh Kudus adalah 'pengendali langsung bagi semua tindakan ilahi Anak itu sendiri, walaupun pada sifat manusia-Nya sendiri. Apa pun yang dilakukan Anak Allah samada oleh atau pada kudrat manusia, Dia lakukan oleh Roh Kudus, yang adalah Roh-Nya.'¹⁰ Owen berpendapat, untuk pandangan tidak konvensional yang telah ditentang keras oleh ramai ahli teologi ini, kemungkinan disebabkan ada segelintir yang telah menggunakan bahasa sama dengan cara yang melemahkan keilahian Yesus. Bagi kebanyakan orang Kristian, Yesus melakukan mukjizat-mukjizat-Nya kerana kudrat ilahi-Nya yang beroperasi di dalam dan melalui kudrat manusia-Nya. Saya rasa ini benar-benar satu salah faham dan gagal menjelaskan bukti-bukti jelas dari Alkitab mengenai pelayanan Kristus di dunia.

Sinclair Ferguson telah mengamati dengan betul bahawa nabi Yesaya melihat Mesias 'sebagai Manusia yang dipenuhi Roh dengan teramat cemerlang (Yesaya 11:1, 42:1, 61:1).'¹¹ Apabila seseorang mempertimbangkan peristiwa-peristiwa utama dalam pelayanan Kristus, dia akan mendapati bahawa Roh Kudus memainkan satu peranan yang sangat penting. Sebenarnya, istilah 'Kristus' yang telah menjadi sebuah nama khusus untuk Yesus, bermakna 'diurapi'. Dengan urapan Rohlah, Kristus melakukan pekerjaan-Nya sebagai pengantara. Oleh itu,

⁹ *Works, Pneumatologia*, III.160.

¹⁰ *Ibid.*, 162.

¹¹ *The Holy Spirit* (Downers Grove: InterVarsity Press, 1996), 38.



Roh Kudus adalah kecekapan ilahi yang segera (yakni, langsung) yang membolehkan penjelmaan itu berlaku. Roh turun ke atas perawan Maria dan memampukannya secara ajaib mengandung bayi Yesus (Lukas 1:31, 35). Secara kebetulan, kerana doktrin pemberian sifat-sifat (*communication of attributes*), sangat wajar sekali untuk mengatakan (seperti yang dikatakan oleh Cyril dan Nestorius) Maria adalah bunda Allah (*theotokos*). Untuk menyebut Maria sebagai 'bunda Allah' bukanlah atas niat sesiapa untuk menyifatkan Allah yang memiliki asal-usul, atau memuliakan dan meninggikan Maria; sebaliknya, ia adalah sebuah usaha untuk mempertahankan kesatuan hipostatik, yakni Yesus yang dikandung dan dilahirkan oleh Maria adalah menurut kudrat manusia Kristus. Begitu juga, kita boleh mengatakan Yakobus sebagai 'saudara Allah'.

Penghamilan Yesus adalah satu ciptaan baru dan tindakan ini mempunyai banyak persamaan dengan kelahiran baru kita sendiri; kerana, sesiapa yang ada dalam Kristus adalah ciptaan baru (2 Korintus 5:17). Roh bekerja pada kemanusiaan Maria untuk membentuk satu kudrat manusia sejati yang Anak Allah mengambil kehidupan-Nya sendiri, supaya identiti Anak adalah selama-lamanya sebagai Allah-manusia. Pekerjaan Roh Kudus amat penting dalam membentuk kudrat manusia Yesus yang diperoleh dari Maria tanpa dicemari oleh apa-apa dosa, yang sememangnya mustahil jika Anak mengambil kudrat manusia dari hasil hubungan antara Yusuf dan Maria. Roh bukan saja membentuk kudrat manusia pada Yesus, tetapi juga tinggal di dalam diri-Nya dan kepada-Nya semasa zaman kanak-kanak-Nya, seperti yang telah dijelaskan di atas, Yesus sudahpun membaca kitab Perjanjian Lama, dan merenungkan serta berdoa kepada Bapa-Nya yang di Syurga (Lukas 2:49)

Peristiwa utama selanjutnya dalam kehidupan Yesus adalah sewaktu Yesus dibaptis oleh Yohanes Pembaptis di Sungai Yordan. Di awal pelayanan Yesus, Dia dibaptis (dan ditahbiskan) dengan cara yang sungguh luar biasa. Selain dari hakikat bahawa seorang berdosa membaptiskan Tuhan Kemuliaan, kita diberitahu bahawa ketika Kristus keluar dari

sungai itu, Roh Kudus turun kepada-Nya seperti seekor burung merpati. Dalam suara yang boleh didengar, Bapa berbicara kepada Yesus: 'Engkaulah Anak-Ku yang Kukasihi dan dengan-Mu Aku berkenan' (Markus 1:10). Kata-kata ini bukan kerana Yesus telah patuh pada hari itu, tetapi juga kerana Yesus telah patuh sejak Dia masih disusui ibu-Nya. Kerana itulah Bapa berkenan pada-Nya. Saat itulah Yesus menerima Roh Kudus sepenuhnya tanpa batas (Yohanes 3:34) dan dimateraikan sebagai Mesias secara terbuka. Roh sudah pasti hadir bersama Yesus sejak penghamilan, tetapi pada pembaptisan Kristus, Dia menerima Roh Allah yang jauh lebih besar daripada sebelumnya.

Setelah dibaptis, Yesus terus dipimpin oleh Roh Kudus ke padang gurun untuk digoda oleh Iblis selama empat puluh hari dan empat puluh malam (Markus 1:12). Dalam perang suci-Nya melawan Iblis, Kristus bersandar pada Roh, memetik ayat-ayat dari Kitab Suci yang telah dipelajari semasa hidup-Nya, di mana Bapa membangunkan-Nya pagi demi pagi untuk diajar (Yesaya 50:4). Roh yang 'memimpin' Yesus ke dalam godaan-Nya menaungi Yesus pada saat Dia digoda. Lukas melaporkan bahawa selepas menghadapi godaan-Nya, 'Yesus kembali ke Galilea dalam kuasa Roh' (Lukas 4:14). Kemudian Lukas melaporkan Yesus ditolak di Nazaret. Adalah signifikan bahawa khutbah yang membawa kepada cubaan untuk membunuh Yesus itu dipetik dari Yesaya 61:1-2, satu petikan yang digunakan oleh Yesus untuk mengesahkan bahawa Roh Tuhan ada pada-Nya (Lukas 4:18). Maksudnya, pemberitaan Kristus sentiasa ada dalam kuasa dan demonstrasi Roh. Yesus adalah pengkhutbah terbaik yang pernah hidup dan Roh yang ada pada-Nya meyakinkan dan membuat para pendengar-Nya bertaubat sehingga membuat orang sama ada membenci atau mengikutinya. Bukan hanya kata-kata Yesus saja yang membahagikan orang, tetapi juga kuasa Roh yang mengiringi kata-kata-Nya meninggalkan kesan di bibir orang sehingga mereka berkata, 'Belum pernah seseorang bercakap seperti-Nya!' (Yohanes 7:46).

Yesus bukan hanya menyebarkan Injil – walaupun itulah sebabnya Dia datang (Markus 1:38) – tetapi Dia juga melakukan banyak mukjizat yang besar, yang merupakan bukti-bukti yang nyata bahawa kuasa-Nya adalah dari Allah (Matius 9:1-8). Segala mukjizat yang Kristus lakukan juga dikaitkan dengan Roh Kudus: ‘Tetapi jika Aku menghalau roh-roh iblis dengan Roh Allah, maka sesungguhnya kerajaan Allah sudah bertapak dalam kalanganmu.’ (Matius 12:28; lihat juga Kisah Para Rasul 10:38). Kristus melakukan mukjizat kerana Roh Kudus membolehkan-Nya. Tetapi kadang-kadang Kristus tidak dapat melakukan mukjizat (Markus 6:5) kerana Roh Allah tidak membolehkan-Nya. Kuasa Allah jauh lebih besar daripada dosa manusia, namun demikian, dalam Markus 6:5 kita mempunyai kesaksian kepada hakikat bahawa dalam kudrat manusia-Nya, Yesus sepenuhnya bergantung kepada Roh Kudus untuk melakukan mukjizat.



Setiap berkat yang kita miliki adalah yang terpakai. Semuanya sudah dipakai dahulu oleh Kristus kerana Dialah manusia yang paling cemerlang dari Roh. Dengan kuasa Roh, Kristus melakukan pekerjaan-Nya sebagai Penyelamat, dan dengan demikian diperbenarkan, diterima, dikuduskan, dan dipermuliakan supaya kita juga dapat menerima semua berkat itu.

Kematian Kristus adalah peristiwa utama yang terakhir semasa Dia direndahkan; yang memperlihatkan bahawa Kristus, yang disalib itu (Kisah Para Rasul 2:36), dengan rela hati menyerahkan nyawa-Nya (Yohanes 10:18) dalam kuasa Roh Kudus. Ibrani 9:14 mengesahkan hal ini: ‘...Kristus, yang melalui Roh kekal mempersembahkan diri-Nya tanpa cela kepada Allah...’. Seperti yang dinyatakan oleh Sinclair Ferguson, ‘Satu kes yang kuat boleh dibuat untuk memahami *pneuma* di mana Yesus menyerahkan nyawa-Nya itu merujuk kepada Roh yang ilahi.’¹² Yesus menyerahkan roh lahiriah-Nya ke dalam tangan

¹² The Holy Spirit, 53.

Bapa-Nya (Lukas 23:46) sebab Roh Kudus membolehkan Yesus menyerahkan nyawa-Nya. Seperti kematian-Nya, kebangkitan Kristus juga dikaitkan dengan Roh (Roma 8:11) apabila Dia diisytiharkan 'melalui Roh Kudus yang besar... sebagai Anak Allah' (Roma 1:4). Menurut bukti-bukti dari Kitab Suci, Roh Kudus adalah sahabat Kristus yang tidak dapat dipisahkan sepanjang pelayanan-Nya di bumi. Oleh itu, kita harus mempunyai satu Kristologi untuk kita memahami limpahan petikan-petikan yang menyebutkan pekerjaan Roh Kudus pada Yesus.



'Kita harus mengenal Kristus untuk bekerja setelah disesuaikan dengan-Nya; dan kesesuaian ini terdiri daripada satu penyertaan kasih kurnia yang kepenuhannya tinggal di dalam diri-Nya. Dan kita tidak dapat secara berterusan menekan selepas ini, tetapi melalui satu kedekatan dengan pekerjaan Roh dalam kudrat manusia Kristus, segala ketekunan kita itu akan membuahkan hasil' (John Owen).¹³

Kepentingan ini tidak boleh dipandang remeh. Ketaatan Kristus yang menjadi teladan dalam kehidupan kita haruslah menjadi nyata. Kristus tidak 'menipu' dengan bergantung pada sifat ilahi-Nya sendiri ketika Dia bertindak sebagai Adam yang kedua. Sebaliknya, dengan menerima dan bersandar kepada Roh Kudus, Kristus bergantung sepenuhnya kepada Bapa-Nya (Yohanes 6:38). Terjemahan dari *ouch harpagmon hegesato* (Filipi 2:6) adalah bahawa 'Dia sekalipun dalam bentuk Allah tidak menganggap kesetaraan dengan Allah sesuatu yang harus dipertahankan' atau 'sesuatu untuk diambil kesempatan' sangat sesuai dengan model ini. Memahami kehidupan Kristus yang sedemikian dapat membuka mata hati kita untuk menghargai segala yang Kristus lakukan sebagai Adam yang kedua. Herman Bavinck menyimpulkan keprihatinan asas teologikal mengenai hubungan intim antara Roh dan Kristus: 'Sukar dibayangkan

¹³ John Owen, *The Holy Spirit* (Fearn: Christian Heritage, 2004) 132.



walaupun sedetik, bagaimana manusia yang sejati mampu menanggung rupa Allah tanpa adanya Roh Kudus....Jika manusia biasa tidak dapat bersekutu dengan Allah kecuali melalui Roh Kudus, maka demikianlah juga dikenakan pada kudrat manusia Kristus.¹⁴

Kembali kepada hubungan kedua kudrat Kristus, kita boleh mengatakan bahawa kudrat ilahi Kristus tidak bertindak dengan segera pada kudrat manusia Kristus, tetapi secara berhemah melalui Roh Kudus. Roh Kudus segera tinggal atas Kristus dan dalam Kristus. Kristus taat kepada Bapa-Nya dalam segala hal, tetapi Roh Allah yang membolehkan-Nya dalam ketaatan itu. Oleh itu, dalam pelayanan Kristus di bumi, Dia tunduk kepada kehendak Bapa dan dengan demikian kepada Roh Kudus. Kemudian pada saat Kristus ditinggikan, Kristus berubah menjadi Tuhan Roh (2 Korintus 3:17). Roh juga mengambil nama Kristus (Roma 8:9, 1 Petrus 1:11). Kita akan melihat hal ini dengan lebih terperinci bila kita mengkaji pekerjaan Kristus dalam tiga jawatan-Nya sebagai nabi, imam dan raja bagi gereja yang Dia tebus dengan darah-Nya sendiri.

¹⁴ *Reformed Dogmatics*, III.292.

3

PEKERJAAN KRISTUS

Kristologi semestinya melibatkan peribadi dan pekerjaan Kristus. Pemahaman Reformed tentang peribadi Kristus memiliki implikasi-implikasi yang signifikan untuk pekerjaan Kristus, khususnya gagasan bahawa Kristus sebagai pengantara berubah dari keadaan direndahkan (di awal pelayanan-Nya) kepada keadaan ditinggikan (selepas kebangkitan-Nya). Perubahan ini adalah sesuatu yang dialami oleh Kristus sendiri. Kita boleh mengaitkan peralihan Kristus dari keadaan direndahkan kepada keadaan ditinggikan sebagai suatu pekerjaan yang berjaya yang telah diberikan oleh Bapa kepada-Nya. Sebagai hamba Tuhan yang taat hingga mati, bahkan mati di kayu salib (Filipi 2:8), Kristus mengalami satu perubahan pada kebangkitan-Nya: Dia kini menjadi Tuhan, Penyelamat yang bangkit dan ditinggikan di dunia yang telah menerima janji-janji yang dibuat kepada-Nya dalam kekekalan. Kristus bukan saja mengekalkan kudrat manusia-Nya di syurga – kerana kesatuan hipostatik kedua kudrat itu adalah satu kesatuan yang utuh yang tidak dapat dipecahkan – tetapi Dia juga mempertahankan ketiga-tiga tugas-Nya sebagai nabi, imam dan raja sampai selesai. Jadi pekerjaan Kristus adalah berperanan sebagai nabi, imam dan raja pada saat Dia direndahkan di bumi sehinggalah pada saat Dia ditinggikan di syurga.



Kristus Sebagai Nabi

Sebagai nabi, Kristus bukan saja bernubuat dan menyampaikan kebenaran, tetapi Dia adalah kebenaran itu (Yohanes 14:6). Inilah yang menandakan Kristus sebagai nabi Allah yang tiada tolok bandingnya. Tiada seorang pun yang pernah bercakap seperti Yesus (Yohanes 7:46), kerana Dia berkata-kata dengan penuh wibawa (Lukas 4:32). Sebagai nabi bagi jemaah Allah, Kristus mendedahkan kepada umat-Nya, 'kehendak Allah untuk menyelamatkan manusia, melalui Firman dan Roh-Nya' (*Westminster Shorter Catechism*, 24). Perkara asas dan yang terutama untuk kita mengerti tentang jawatan Kristus sebagai nabi adalah bahawa Dia membuat teologi itu sesuatu yang mungkin; kerana Kristuslah sumber segala kebenaran. Di dalam Kristus tersemat segala kebenaran; kerana Kristuslah wadah bagi segala kebenaran. Dia adalah pusat semua wahyu ilahi. Dia memungkinkan teologi kerana Dia bukan sahaja manusia tetapi ilahi.

Kerana dalam Kristus 'tersembunyi seluruh harta kebijaksanaan dan pengetahuan' (Kolose 2:3), kita harus membezakan antara teologi Kristus dan teologi yang kita miliki. Pemahaman dan pengetahuan Kristus tentang fikiran Allah jauh melampaui pemikiran semua manusia yang pernah hidup atau yang akan hidup. Kita tidak mampu menyelami fikiran Allah, dan demikian juga, kita tidak mampu memahami sepenuhnya teologi Kristus. Dalam erti kata lain, Kristus mempunyai pengetahuan tentang Allah yang melampaui pemikiran semua orang yang beriman, bahkan mereka yang sudah dalam kemuliaan. Sebab Kristus adalah Allah-manusia, Dia membolehkan wahyu dari Allah dikomunikasikan kepada sekalian manusia. Sebagai nabi, Kristus mengantara wahyu dari Allah kepada manusia dalam kedua-dua keadaan (pada saat direndahkan dan pada saat ditinggikan), bahkan ke dalam kekekalan.



Yesus Kristus memiliki iman untuk perbenaran, kesucian untuk pengudusan, satu nama untuk diangkat, dan satu tubuh untuk dipermuliakan. Semuanya dalam konteks jawatan Kristus sebagai nabi, imam, dan raja.

Matlamat Kristus sebagai nabi adalah untuk mengisytiharkan wahyu Allah dengan sempurna (Matius 13:35; Yohanes 1:18). Kitab Suci bergantung kepada Kristus untuk isi kandungan mereka. Biasanya, ahli-ahli teologi Reformed merujuk kepada 'teologi penziarah di bumi' sebagai 'teologi kita', yang diberikan oleh Kristus. Ini menunjukkan teologi adalah teologi terbatas (ectypal), yang bertentangan dengan teologi tak terbatas (archetypal), iaitu pengetahuan yang tidak terhingga yang dimiliki oleh Allah akan diri-Nya sendiri. Perbezaan ini bukan saja kuantitatif, tetapi juga kualitatif. Kedua-dua kandungan (kuantiti) dan kualiti pengetahuan Allah jauh lebih tinggi daripada pengetahuan manusia.

Di dalam Perjanjian Lama, Anak yang ilahi mengungkapkan kehendak-Nya dengan kudrat ilahi-Nya, kerana Dia belum lagi menjelma. Tetapi dalam zaman Injil, setelah mengambil rupa manusia, Dia mengajar sebagai seorang nabi yang diutus Allah. Kita mungkin tergoda untuk berfikir bahawa keupayaan Kristus yang mendedahkan kehendak Allah datang dari keistimewaan-Nya yang unik sebagai satu peribadi yang memiliki dua kudrat, dengan Logos abadi yang membolehkan Kristus mendedahkan kehendak Allah kepada gereja. Ini tidak sepenuhnya benar. Dalam kudrat ilahi-Nya, Kristus adalah maha tahu. Tetapi jika benar bahawa kudrat ilahi Kristus adalah cara yang segera Dia mendedahkan kebenaran kepada gereja, mengapakah Kristus tidak tahu tentang fakta-fakta tertentu dalam hidup-Nya (seperti yang dinyatakan di atas)? Kristus mendedahkan kehendak Allah menurut kudrat manusia-Nya, bukan menurut kudrat ilahi-Nya. Walaupun ketiga-tiga jawatan itu disandang oleh peribadi Kristus, namun kudrat manusia Kristuslah yang terlibat dalam



ketiga-tiga jawatan-Nya sebagai nabi, imam dan raja.

Untuk menjalankan jawatan-Nya sebagai nabi, Kristus diberikan anugerah-anugerah dan kasih kurnia yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-Nya dalam jawatan ini. Kristus mempunyai kemampuan dan kebolehan semula jadi seperti yang dimiliki oleh semua manusia. Namun, Kristus bebas dari dosa. Dan pengetahuan Kristus sangat luar biasa. Tetapi lebih daripada itu, seperti yang dinyatakan di atas, Kristus telah dilimpahi anugerah yang luar biasa dari Roh Kudus. Di samping itu, sementara kita tidak dapat memahami pemikiran seperti itu, kita bersyukur kerana Kristus telah berbicara kepada kita tentang kehendak Allah untuk penyelamatan kita. Sudah tentu pemahaman Kristus adalah melalui pembacaan dari Kitab Suci, tetapi Dia juga mendapat keistimewaan untuk menerima komunikasi secara langsung dari Allah, iaitu melalui Roh Kudus dalam jawatan-Nya sebagai pengantara.

Sebelum Kristus dapat mendedahkan kebenaran-kebenaran baru kepada gereja yang belum lagi diberikan dalam Kitab Suci, Allah harus mendedahkan mereka kepada-Nya terlebih dahulu. Sudah tentulah kalau Allah tidak mendedahkan kebenaran-kebenaran tertentu, misalnya kedatangan Kristus yang kedua kali, maka Kristus tidak tahu akan kebenaran itu, walaupun hanya untuk sementara waktu (lihat Matius 24:36; Wahyu 1). Selepas kebangkitan-Nya, pintu masuk Kristus ke kemuliaan terjadi melalui kenaikan-Nya ke syurga di mana Dia duduk di sebelah kanan Bapa. Di atas takhta-Nya, Dia menerima kepenuhan Roh Kudus lebih daripada apa yang sifat manusia mampu. Mazmur 45:6-7 memberikan satu gambaran tentang Kristus yang bertakhta di singgahsana-Nya.

Takhta-Mu, Ya Allah, kekal selama-lamanya; tongkat kebenaran adalah tongkat kerajaan-Mu. Engkau mencintai kebenaran dan membenci kejahatan; oleh itu Allah, Allah TUHAN-MU, telah mengurapi-Mu dengan minyak kebahagiaan lebih daripada teman-teman-Mu.

Petikan ini sangat jelas berkaitan dengan jawatan raja Kristus,

namun, bila kita perhatikan, Kristus yang bertakhta sebagai Raja atas segala raja mempunyai kesinambungan dengan jawatan-Nya sebagai nabi dan imam. Dari segi jawatan-Nya sebagai nabi, kerana Kristus menerima Roh dalam ukuran yang begitu besar, kudrat manusia-Nya dipenuhi dengan pengetahuan akan ketetapan dan kehendak Allah yang komprehensif. Dalam erti kata lain, Kristus sentiasa tahu apa yang perlu diketahui-Nya. Dalam kemuliaan kemanusiaan-Nya, pengetahuan-Nya adalah menyeluruh seperti ketetapan Allah. Kerana Kristus mengekalkan kudrat manusia-Nya di syurga, Dia mungkin sebenarnya masih bertumbuh dalam pengetahuan-Nya di kekekalan.

Tugas Kristus sebagai pengantara akan berakhir pada akhir zaman (1 Korintus 15). Bagaimanapun, ada yang berpendapat bahawa Kristus akan meneruskan peranan-Nya sebagai nabi gereja di syurga. Jika apa yang telah kita katakan tentang jawatan kenabian Kristus itu benar, iaitu Kristus adalah sumber bagi semua komunikasi dari Allah kepada manusia, maka bagaimana pula di syurga? John Owen berpendapat bahawa Kristus, yang menurut kemanusiaan-Nya yang dimuliakan, akan menjadi pengantara pengetahuan dan kasih semua orang salih kepada Allah Tritunggal. Seperti yang ditegaskan oleh Thomas Manton, Kristus adalah 'Alkitab yang hidup' dan orang salih tidak memerlukan panduan lain bila mereka berada di syurga, kerana mereka akan menatap 'kemuliaan Allah yang melimpah ruah pada wajah Yesus Kristus.'¹ Owen juga mendakwa bahawa komunikasi dan wahyu dari Allah kepada umat yang telah ditebus-Nya adalah melalui Yesus, 'yang selama-lamanya akan menjadi perantara komunikasi antara Allah dan gereja, bahkan dalam kemuliaan. Segala sesuatu dihindarkan di bawah satu kepala dalam Kristus, bahkan perkara-perkara di syurga dan perkara-perkara di bumi...ketetapan ini sama sekali tidak akan dapat dibubarkan...dan komunikasi-komunikasi dari Allah melalui Kristus ini bergantung kepada kita sepenuhnya untuk terus-menerus hidup dalam satu keadaan diberkati dan kemuliaan.'²

¹ *Reformed Dogmatics*, III. 292.

² *Meditations and Discourses on the Glory of Christ*, I.414.



Wahyu dari Allah Tritunggal belum berakhir secara kekal dengan penutupan Pengkanunan Kitab Suci. Itu tidak bermakna bahawa Allah mendedahkan kehendak-Nya untuk penyelamatan kita hari ini sama seperti yang dilakukan-Nya pada zaman para rasul dan nabi. Eksposisi dari Efesus 2:20 dan Ibrani 1:1-2 menentang pandangan tersebut. Wahyu dari Allah Tritunggal di dunia ini telah berhenti sehinggalah datangnya pengakhiran; tapi itu tidak bermakna bahawa Allah tidak ada apa-apa lagi untuk didedahkan. Di syurga kelak, Allah akan terus berkomunikasi dengan orang salih-Nya, dan Dia akan melakukannya melalui Yesus Kristus.

Kristus Sebagai Imam

Jawatan imam Kristus adalah yang paling banyak didebatkan dalam sejarah berbanding jawatan-Nya yang lain. Teologi liberal lebih menekankan jawatan nabi-Nya berbanding dengan jawatan imam dan raja. Tetapi ahli-ahli teologi Reformed yang bersejarah pula selalu mengiktiraf kepentingan ketiga-tiga jawatan itu, dengan satu penekanan luar biasa pada jawatan Kristus sebagai imam. Perdebatan mengenai sifat pendamaian (kematian Kristus) adalah perdebatan tentang jawatan Kristus sebagai imam. Tetapi Kristus menjadi imam bukan semata-mata kerana pendamaian-Nya. Seperti yang ditunjukkan oleh *Westminster Shorter Catechism* menjelaskan, keimaman Kristus terdiri daripada 'mempersembahkan diri-Nya sebagai korban untuk memenuhi pengadilan ilahi...dan terus-menerus berdoa syafaat untuk kita' (A. 25). Kristus melaksanakan tugas-Nya sebagai imam dalam persembahan-Nya (korban kematian) dan doa syafaat-Nya. Doa syafaat-Nya adalah satu bahagian yang besar dalam pekerjaan-Nya sebagai Penyelamat. Namun dalam pengalaman saya, orang Kristian kelihatan lebih tertarik kepada kematian Kristus berbanding dengan doa syafaat-Nya. Sebenarnya, kedua-duanya saling bersambungan; persembahan Kristus mendahului doa syafaat-Nya, dan doa

syafaat-Nya mensyaratkan kepada persembahan-Nya. Penerapan penyelamatan bergantung kepada doa syafaat Kristus. Dalam erti kata lain, seandainya Kristus tidak naik ke syurga dan tidak berdoa syafaat bagi orang salih, penyelamatan kita tidak lengkap, dan oleh itu kita sama sekali tidak diselamatkan. Apatah lagi doa syafaat Kristus di syurga adalah suatu lanjutan dari persembahan-Nya kerana Kristus terus menerus membuktikan keberkesanan dan kesempurnaan doa syafaat-Nya demi membela kita. Kristus sentiasa berdoa syafaat untuk kita kepada Bapa (Ibrani 7:25), yang senang mendengar permohonan Anak-Nya bagi pihak kita. Kristus bukan memulas tangan Bapa, sebaliknya melaksanakan peranan sebagaimana cara yang Allah telah merancang penyelamatan, iaitu Kristus telah diperintahkan oleh Bapa untuk melaksanakan peranan-Nya sebagai pengantara supaya Bapa dapat melimpahi gereja dengan berkat-berkat melalui Anak-Nya dan demi Anak-Nya.

Dalam membincangkan jawatan Kristus sebagai imam, sekali lagi kita berdepan dengan pentingnya untuk memahami peribadi Kristus dengan betul. Untuk menjadi seorang imam, Kristus harus menjadi seorang manusia. Kemanusiaan-Nya bermakna Dia bukan sahaja dapat mempersembahkan diri-Nya di kayu salib – seorang manusia sejati yang menjadi pengganti untuk menggantikan tempat kita – tetapi Kristus juga dapat bersimpati kerana Dia dapat merasakan kelemahan-kelemahan manusia (Ibrani 4:15). Sebaliknya, keilahian-Nya bermakna Kristus dapat mati dalam kematian yang terpuji di kayu salib yang bukan saja menyelamatkan satu orang berdosa, tetapi banyak orang (lihat Roma 5). Peribadi Kristus memberikan nilai yang tak terhingga kepada pekerjaan-Nya. Dalam erti kata lain, kematian Kristus di salib itu sudah pun mencukupi untuk menyelamatkan nyawa yang tidak terhitung banyaknya, seperti yang kita jelaskan sebelum ini, peribadi yang mati di kayu salib itu adalah Allah sendiri (Kisah Para Rasul 20:28).

Biasanya kita menganggap jawatan imam Kristus hanya terdiri



dari kematian dan doa syafaat-Nya. Namun terdapat satu lagi aspek lain yang sama penting dalam keimanan Kristus yang tidak boleh dipandang remeh, iaitu ketaatan Kristus dari kelahiran-Nya di dalam palung sampailah kematian-Nya di salib. Sebagai Adam yang kedua, Kristus berbeza dari para imam dalam Perjanjian Lama kerana mereka hanya mempersembahkan korban-korban bagi umat yang berdosa, tetapi mereka tidak dan tidak mampu mematuhi hukum yang telah ditetapkan untuk manusia. Keimanan Perjanjian Lama hanya tertumpu kepada pelanggaran hukum saja; tetapi kesalihan yang dikehendaki oleh Allah ditangani oleh ketaatan imam yang sempurna.

Penulis Ibrani menonjolkan keupayaan Kristus sebagai Imam Besar yang berpengasih sebab Dia sendiri telah mengharungi godaan ketika mengambil rupa manusia (Ibrani 2:17-18; 4:15). Dengan ratap tangis, Kristus mempersembahkan doa dan rayuan kepada Allah (Ibrani 5:7), dan oleh itu, penyerahan hidup-Nya bukan setakat melibatkan kematian di kayu salib, tetapi juga ketaatan-Nya secara sukarela kepada hukum Allah. Kristus menanggung laknat dari ketetapan Allah dengan mati dalam kematian yang terkutuk (Galatia 3:13), tetapi kehidupan dan kematian-Nya adalah sebuah 'persembahan' yang penuh dengan penderitaan dan kesengsaraan. 'Sungguhpun Dia Anak, namun Dia belajar taat melalui segala penderitaan-Nya (Ibrani 5:8); iaitu seluruh hidup-Nya adalah satu kehidupan yang sengsara, yang melayakkan-Nya sebagai korban yang sempurna tanpa cela. Ketaatan Kristus dapat dilihat pada waktu Dia dihina dan ditolak oleh manusia (Yesaya 53:3). Salib merupakan tindakan yang agung bagi menunjukkan ketaatan-Nya (Filipi 2:8), dan inilah 'pengakhiran' yang sepadan bagi Dia yang tidak pernah mengenal kedurhakaan kedua kali kepada Bapa-Nya yang di syurga. Oleh itu, sebagai imam, kematian Kristus adalah 'persembahan dan korban yang harus bagi Allah' (Efesus 5:2) kerana keagungan kekudusan-Nya dan keluhuran martabat dalam peribadi-Nya. Sebagai imam yang ditinggikan, Kristus mempunyai kemampuan untuk bersimpati

dengan umat-Nya, dengan cara yang tidak dapat diselami oleh akal manusia kerana semua penderitaan dan godaan-Nya jauh lebih hebat dari apa yang kita alami.

Kita perlu sedar bahawa Kristus telah dilantik untuk jawatan imam. Tetapi Dia bukan seorang imam keimaman Harun. Dia termasuk dalam peraturan Melkisedek (Ibrani 5:6, 10), raja-imam yang disebutkan dalam Kejadian 14:18-20 dan Mazmur 110:4. Peraturan Melkisedek ini adalah kekal dan tidak berubah-ubah, tidak seperti peraturan Harun yang sudah lenyap. Dalam Ibrani 7:26, kita dimaklumkan bahawa Kristus adalah imam yang 'suci, tidak bercela, tidak tercemar, terasing daripada orang berdosa, dan telah dijadikan lebih tinggi daripada isi syurga.' Oleh itu, Kristus bukan menawarkan diri-Nya demi diri-Nya, melainkan demi dosa-dosa manusia. Hampir semua yang Kristus lakukan adalah sebagai 'manusia biasa'. Sebagai manusia biasa, Kristus mewakili semua manusia yang diberikan Allah Bapa kepada-Nya (Yohanes 6:39). Sebaliknya dalam doa syafaat-Nya, Kristus tidak berdoa syafaat sebagai manusia biasa, tetapi bagi pihak kita. Di dalam Perjanjian Lama, imam besar tidak masuk ke Tempat Yang Maha Suci demi dirinya, tetapi demi segenap bangsa, dan sebab itulah di bahunya terukir setiap nama dua belas suku bangsa Israel (Keluaran 28:21). Oleh itu, kematian Kristus adalah kematian pengganti; Dia mati bersama-sama 'dua belas suku' (umat pilihan-Nya) yang terukir di bahu-Nya terutama sekali di sanubari-Nya (Kidung Agung 8:6). Lebih-lebih lagi, kematian-Nya adalah kematian kemenangan. Dengan mati Kristus memusnahkan si Iblis yang mempunyai kuasa atas kematian, dan dengan demikian, Kristus telah membebaskan umat-Nya dari belenggu ketakutan akan kematian (Ibrani 2:14-15).

Dalam memahami pekerjaan doa syafaat Kristus, adalah penting untuk memiliki pandangan yang betul tentang peribadi Kristus. Yesus memberitahu murid-murid-Nya bahawa pemergian-Nya adalah demi kebaikan mereka supaya Roh Kudus dapat datang kepada mereka (Yohanes 16:7). Ini selalu menjadi teks rumit



untuk difahami, terutamanya jika kita berpegang kepada pendapat (betul) bahawa murid-murid Kristus sudah pun menerima Roh Kudus sewaktu Kristus berkata demikian. Kristus mungkin membuat kenyataan ini kerana pelayanan Roh Kudus kepada umat-Nya di bumi yang mencerminkan pelayanan-Nya sebagai Imam Besar di syurga.



Kesalihan Kristus adalah kerana peribadi-Nya yang luhur, yang menyenangkan hati Allah, tidak seperti dosa-dosa manusia yang menjengkelkan hati-Nya.

Selepas Kristus naik ke syurga, Dia mencurahkan Roh-Nya ke atas gereja (Kisah Para Rasul 2:33; Efesus 4:8). Kristus dan Roh Kudus berkongsi satu kesatuan dalam tujuan dan kehendak. Oleh itu, Roh Kudus meyakinkan orang percaya tentang kasih Kristus kepada mereka. Roh Kudus berdoa untuk kita sebab Kristus berdoa untuk kita (Roma 8:26-27); Roh adalah pengantara di bumi kerana Kristus adalah pengantara di syurga. Kristus tidak lagi hidup dengan iman dan harapan, semua yang tinggal bagi-Nya sekarang adalah hidup dengan kasih sahaja (1 Korintus 13:13), dan kasih Kristus bagi gereja-Nya dipertingkatkan di syurga.

Seperti yang kita bincangkan sebelum ini, apabila Kristus masuk ke syurga, Dia menerima Roh Kudus secara maksima melebihi dari kemampuan seorang manusia. Salah satu dari buah Roh adalah kasih; sesungguhnya ia disebutkan dahulu daripada yang lain, yang mencerminkan keutamaannya daripada kurnia-kurnia yang lain. Kristus tidak pernah berhenti mengasihinya umat-Nya supaya Dia akan tetap dalam kasih Bapa (Yohanes 10:15-18; 15:10). Keunggulan kasih Kristus dan belas kasihannya di syurga lebih luhur daripada semua hati manusia. Tambahan pula, seperti yang dinyatakan oleh Thomas Goodwin: 'Jika ada dunia-dunia yang tak terbatas yang diciptakan dari makhluk-makhluk yang pengasih, kasih yang bertapak dalam hati

mereka tidak sedalam kasih di dalam hati peribadi Kristus Yesus.³ Cintakan Allah dalam kudrat ilahi-Nya melebihi kasih yang Kristus miliki dalam kudrat manusia-Nya, kerana yang terbatas tidak mampu menggapai yang tak terbatas. Namun Goodwin menyakinkan kita bahawa kasih dan belas kasihan dalam hati manusia Kristus sudah cukup untuk menyenangkan hati pengantin perempuan-Nya. Memang mustahil untuk kita selami sedalam mana kasih dan belas kasihan Kristus sebagai Imam Besar kita, tetapi memadai untuk kita yakin bahawa Kristus adalah pengasih dan berbelas kasihan dan percaya bahawa kebenaran yang ada adalah selaras dengan kadar iman yang diberikan Allah kepada kita (Roma 12:3).

Di syurga, pelaksanaan jawatan-jawatan Kristus semakin meningkat. Sebagai nabi, Dia dipenuhi dengan kebijaksanaan dan pengetahuan yang berlimpah-limpah; sebagai imam, Dia menunjukkan kasih kurnia dan belas kasihan kepada gereja-Nya; dan sebagai raja, Dia diberi kuasa dan kekuasaan. Ini bermakna bahawa Kristus sekarang lebih berbelas kasihan di syurga berbanding sewaktu Dia di bumi. Dalam erti kata lain, jika Kristus berbelas kasihan kepada orang berdosa semasa pelayanan-Nya di bumi, Dia sekarang lebih lagi berbelas kasihan kepada orang berdosa. Lebih daripada itu, penjelmaan itu menambah satu cara baru bagi Allah untuk mengasihani.

Kerana Allah menjadi manusia, satu eksperimen belas kasihan telah tercapai. Kudrat ilahi tidak dapat digoda. Kristus, yang kini di syurga, dapat mengingat kembali keadaan diri-Nya sewaktu di dunia; yang mengalami penderitaan dan godaan. Dia ingat akan kesukaran hidup-Nya sewaktu di bumi; Dia ingat akan kuasa-kuasa godaan, dan kerana itulah Dia dapat bersimpati kepada umat-Nya, yang sangat mustahil jika penjelmaan tidak terjadi. Sungguh luar biasa untuk menyatakan bahawa ada cara yang baru bagi Allah untuk menunjukkan kudrat-Nya yang maha pengasih dan maha pengampun. Oleh itu, kita tidak dapat menafikan betapa pentingnya pemahaman yang betul tentang

³ *Exposition of Ephesians*, II.162.

peribadi Kristus untuk menghargai pekerjaan-Nya, baik di dunia mahupun di syurga.



Menurut kudrat manusia-Nya, adakah Kristus lebih mengasihi umat-Nya sekarang di syurga daripada sewaktu Dia berada di bumi?

Kristus Sebagai Raja

Jawatan terakhir yang disandang Kristus sebagai pengantara adalah raja. Sebagai raja, Dia menundukkan umat-Nya kepada diri-Nya dengan memerintah ke atas mereka menurut ketetapan-Nya, dan melindungi umat-Nya menurut kedudukan-Nya sebagai raja (iaitu Anak Allah). Lebih dari itu, Dia mengalahkan semua musuh-Nya dan musuh kita. Mazmur 110:1 merupakan ayat dari Perjanjian Lama yang paling banyak dipetik dalam Perjanjian Baru – sebanyak 22 kali, baik yang tersirat mahupun tersurat untuk menceritakan tentang Kristus yang duduk di sebelah kanan Bapa di mana Dia menundukkan semua musuh-Nya (Mazmur 110:1).

Apabila kita berbicara tentang Kristus sebagai raja, kita bukan hanya bercakap tentang kudrat ilahi-Nya saja, tetapi, selaras dengan penekanan sebelum ini, kita juga berbicara tentang Anak sebagai Allah-manusia. Sudah tentu, mengenai kudrat ilahi-Nya, Anak memiliki kekuasaan dan kedaulatan sebagai satu atribut (sifat) yang penting. Allah Tritunggal adalah Raja. Kuasa Allah adalah kuasa mutlak yang tidak boleh ditambah atau dikurangkan dengan apa cara sekalipun. Tetapi ini bukan apa yang kita lihat ketika kita membincangkan tentang pemerintahan Kristus. Kristus adalah raja berdasarkan peranan perantaraan-Nya. Dan kerana itu, ada suatu perasaan di mana pemerintahan Kristus mengalami perubahan, terutama dari segi dua keadaan penghinaan dan pengagungan-Nya.

Mazmur memberikan satu pencerahan yang penting tentang sifat pemerintahan Kristus. Pertama-tama, kita harus memperhatikan dahulu perbandingan antara Mazmur 2 dan Mazmur 110. Kedua-dua mazmur ini mempunyai beberapa persamaan: penaklukan bangsa-bangsa (2:1-3; 110:1-2); penumpasan musuh-musuh bangsa Israel (2:9; 110:5-6); dan kemurkaan Allah terhadap raja-raja yang menentang Anak-Nya (2:5; 110:5-6). Sebagai keturunan Raja Daud, Kristus secara khusus adalah Anak Allah. Kita sering mengandaikan bahawa gelaran Anak Allah untuk Yesus menunjukkan keilahian-Nya, tetapi yang lebih tepat adalah berpegang kepada pendapat orang Yahudi pada abad pertama, yang dengan serta-merta memahami gelaran Anak Allah itu sebagai raja, sebagai Mesias (lihat Matius 16:16). Semestinya, Kristus adalah Anak Allah yang kekal, yang setaraf dengan Bapa dan Roh dalam kekuasaan dan kemuliaan. Tetapi Mazmur 2 dan Mazmur 110 memberi gambaran tentang raja-raja dunia yang diberikan hak istimewa yang unik untuk dipanggil sebagai Anak Allah. Dalam pengertian ini, raja sejati, Yesus Kristus berkongsi dalam pemerintahan Bapa-Nya, namun Dia tertakluk di bawah pemerintahan kosmik Bapa-Nya. Oleh kerana Kristus adalah raja Allah (Anak yang sejati), sudah pasti semua musuh-Nya ditakluk di bawah kaki-Nya.

Namun dalam Mazmur 110, Kristus duduk di sebelah kanan Bapa. Penabalan ini adalah kedaulatan tertinggi yang boleh diberikan kepada mana-mana orang (Matius 28:18). Ia melambangkan kuasa, kehormatan dan perkenanan. Nampaknya ada perbezaan antara kedua petikan dari Mazmur ini (Mazmur 2 dan Mazmur 110) yang mungkin mencerminkan perubahan sifat pemerintahan Kristus. Dalam Mazmur 2:2, 'para pemerintah bermuafakat untuk melawan TUHAN dan melawan Dia yang diurapi-Nya' sedangkan dalam Mazmur 110:2, Kristus memerintah di tengah-tengah musuh-Nya. Dan dalam Mazmur 2:8, Kristus memohon bangsa-bangsa sebagai warisan-Nya sedangkan dalam Mazmur 110, Allah memakai pemerintahan Kristus untuk berperang demi Anak-Nya. Para pemerintah dan bangsa diarahkan untuk berserah kepada Anak Allah (Mazmur



2:10-12), tetapi mereka tidak melakukannya, dan dengan demikian, murka Allah terserlah dalam Mazmur 110:5-6.

Dalam Perjanjian Baru, Mazmur 110:1 digunakan untuk menonjolkan kebenaran penting tentang pemerintahan Kristus. Pertama, Kristus menggunakan teks ini pada saat Dia direndahkan untuk menyatakan transendensi-Nya (Markus 12:36). Kedua, Petrus merujuk Mazmur 110:1 untuk menjustifikasikan Yesus selepas kebangkitan-Nya (Kisah Para Rasul 2:32-36). Ketiga, dalam teks Roma 8:34, Paulus menghubungkan pemerintahan Kristus dengan syafaat-Nya; yang konsisten dengan Mazmur 110, di mana ia bukan saja membicarakan pemerintahan Kristus, tetapi juga keimanan Kristus (Mazmur 110:4). Akhir sekali, penggunaan Mazmur 110:1 dalam Perjanjian Baru jelas membicarakan kedaulatan Kristus atas semua makhluk ciptaan, bahkan para malaikat (Ibrani 1:13).

Sebagai tambahan kepada Mazmur 2 dan 110, Mazmur 8 juga memberikan pencerahan untuk memahami pemerintahan Kristus. Mazmur 8 telah dipetik dalam Ibrani 2:6-8. Pada pandangan saya, Mazmur 8 bukanlah secara eksplisit Mesianik, sekurang-kurangnya tidak seperti Mazmur 22 atau 110. Ibrani 2:6-8 menggunakan Mazmur 8 secara konsisten dengan Kejadian 1:26-28 mengenai tujuan manusia (Adam) diciptakan. Oleh demikian, Ibrani 2:6-8 merujuk kepada tujuan asal Allah bagi manusia. Sebab itulah perkataan 'tetapi' pada permulaan Ibrani 2:9 mempunyai maksud yang penting. Di mana manusia, termasuklah Daud (anak Allah) telah gagal (secara mutlak), tetapi Kristus telah berjaya menggantikan kita semua.

Selebihnya bab tersebut menunjukkan bahawa Kristus juga telah bertindak menggantikan tempat kita dalam kematian-Nya. Ibrani 2:9 dan Mazmur 110:1 (yang dipetik dalam Ibrani 1:13) memperlihatkan bahawa segala sesuatu telah diletakkan di bawah kaki Kristus. Kematian dan kebangkitan Kristus memulakan realiti ini, tetapi penyempurnaan akan berlaku

pada masa akan datang. Oleh itu, amanat ilahi yang mula-mula diberikan kepada Adam sebenarnya telah pun dipenuhi dalam Kristus yang memerintah dunia sekarang dan yang akan memerintah dunia yang akan datang.

Dengan menggunakan Mazmur 8:4-6 dalam Ibrani 2:5-9, penulis Ibrani memberi tumpuan yang khusus kepada dua aspek Kristologi: penghinaan dan penghormatan. Anak yang direndahkan sedikit daripada malaikat untuk seketika waktu, dan yang berkata, 'Musang ada lubangnya, dan burung di udara ada sarangnya tetapi Anak Manusia tidak ada tempat untuk meletakkan kepala-Nya' (Lukas 9:58), juga adalah Anak Allah yang 'dimahkotakan dengan kemuliaan dan kehormatan (Ibrani 2:9).

Begitu juga, dalam 1 Korintus 15:27, Paulus menerapkan Mazmur 8 kepada pemerintahan Kristus. Penghormatan Kristus di sebelah kanan Bapa (lihat juga Wahyu 4-5) adalah wahyu yang menyingkapkan kemanusiaan sejati Kristus dan penggenapan Mazmur ini. Mandat untuk menakluki dan memenuhi bumi dalam Kejadian 1-2 tidak pernah direalisasikan oleh Adam. Tapi mandat itu telah dan sedang direalisasikan dalam Kristus. Oleh itu, amanat agung (Matius 28:16-20) sebenarnya adalah penggenapan dari Kejadian 1:26. Kristus telah memperoleh semula kuasa untuk menakluki bumi dan memenuhi semula bumi dengan makhluk-makhluk yang merupakan manusia-manusia yang sejati. Oleh yang demikian, 'pergi dan jadikan semua bangsa sebagai murid' adalah amanat agung untuk memenuhi Kejadian 1, Mazmur 8, dan Mazmur 110.

Walaupun Kristus direndahkan sedikit daripada malaikat untuk seketika waktu, tetapi sekarang, Dialah yang tertinggi dalam semua alam semesta mengatasi manusia dan para malaikat (Ibrani 1:1-3), dan dengan itu, Mazmur 8 secara tersirat adalah Mesianik. Dalam merayakan rancangan asal Allah yang tidak direalisasikan, Mazmur 8 menunjuk kepada Kristus, kerana kepada-Nyalah tujuan itu dipenuhi. Titik utama dalam konteks



Ibrani 1, sudah tentu adalah untuk membuktikan bahawa penjelmaan Kristus adalah jauh lebih mulia dari para malaikat. Hal ini nyata dalam keilahian-Nya (bab 1), dan dalam kemanusiaan-Nya yang sempurna (bab 2).

Bagi orang Kristian, ini bermakna bahawa kerana kesatuan kita dengan Kristus, kita akan bersama-sama meraih kemenangan kosmik Kristus. Kita akan mengadili para malaikat (1 Korintus 6); dan kita akan duduk bersama-sama Kristus di takhta-Nya. Kesatuan kita dengan Kristus meletakkan kita kepada kedudukan yang jauh lebih tinggi dari apa yang telah dijanjikan kepada Adam kerana perpaduan kita dengan Allah-manusia. Dalam erti kata lain, penyelamatan bukan sekadar apa yang telah dilakukan Kristus untuk kita, tetapi apa yang telah dilakukan kepada Kristus akan dilakukan kepada kita. Dan kita akan menerima segala-galanya, apa yang sepatutnya layak bagi nama Allah yang telah dituliskan kepada kita (Wahyu 3:12).

Oleh kerana ketaatan Kristus untuk mati di kayu salib, Bapa meninggikan Anak-Nya (Filipi 2:9-11). Kerajaan Anak adalah ganjaran-Nya; ia adalah sesuatu yang diberikan kepada-Nya, yang menerimanya bukan melalui rampasan tetapi melalui ketetapan dan pemberian dari Allah (Yohanes 5:22; Kisah Para Rasul 2:36; 10:42). Atas sebab inilah, kerajaan Kristus adalah kerajaan temporal (iaitu, terikat dengan waktu) di mana Tuhan Yesus akan mencurahkan berkat-berkat kepada pengantin perempuan-Nya dan mengalahkan musuh-musuh-Nya dengan kuasa kebangkitan-Nya.

Untuk mengurniakan kerajaan ini kepada Kristus, Allah harus melakukan sembilan perkara:

1. Menyediakan satu tubuh untuk Kristus (Ibrani 10:5) supaya Dia dapat menjadi manusia sejati dan mewakili umat-Nya.
2. Mengurapi Kristus dengan Roh Kudus yang tak terbatas (Yohanes 3:34) untuk melengkapinya menjadi raja

- yang salih dengan anugerah-anugerah yang diperlukan (Yesaya 11:2).
3. Mengisytiharkan secara terbuka Kristus adalah seorang raja (Matius 3:17; 17:5)
 4. Memberikan Kristus tongkat kebenaran, menaruh pedang di mulut-Nya, dan membolehkan-Nya (sebagai Nabi-Raja) untuk menyatakan kehendak Allah kepada manusia.
 5. Menghormati Kristus dengan utusan-utusan dan hamba-hamba yang melayani (Efesus 4:11-12; 2 Korintus 5:20).
 6. Memberikan jiwa-jiwa kepada Yesus, bukan orang Yahudi sahaja tetapi juga orang bukan Yahudi (Mazmur 2:8; Yohanes 17:6).
 7. Memberi Dia kuasa untuk melaraskan gereja sesuai menurut hukum-hukum ilahi (Matius 5; Kolose 2:14).
 8. Memberikan Dia kuasa untuk mengadili dan menghakimi musuh-musuh-Nya (Yohanes 5:27).
 9. Mengizinkan Kristus untuk mengampuni dosa (Matius 9:6). Hak-hak istimewa yang diberikan kepada Anak itu adalah anugerah kepada Kristus sebagai Allah-manusia.⁴

Apabila Kristus akhirnya menakluki semua musuh-Nya dan menerapkan penyelamatan kepada semua orang pilihan-Nya melalui Roh-Nya (Roh Kristus, dalam Roma 8:9), Dia akan menyerahkan kerajaan itu kepada Bapa (1 Korintus 15:24-25). Ada beberapa bukti yang menunjukkan bahawa jawatan-jawatan perantaraan Kristus sebagai nabi, imam dan raja akan berakhir pada penyempurnaan. Ramai ahli teologi juga mengesahkan perkara ini. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa beberapa aspek dari jawatan-jawatan Kristus akan kekal selama-lamanya, supaya Dia akan tetap menjadi nabi, imam dan raja. Tetapi bagaimana? Dengan melihat kepada kemuliaan Kristus akan membantu kita memahami dilema yang cukup jelas ini.

⁴ Saya berterima kasih kepada pemikiran-pemikiran Edward Reynolds tentang ini, yang didapati dari karyanya yang bertajuk *An explication of the Hundred and Tenth Psalm* (London, 1837), 6–7.



'Pengantara kita dipanggil Kristus, kerana Dia telah diurapi dengan Roh Kudus yang tanpa batas; dan dikhususkan (dipisahkan), dan dilengkapi dengan segala kekuasaan dan keupayaan, untuk melaksanakan ketiga-tiga jawatan sebagai nabi, imam dan raja bagi jemaah-Nya, dalam kedua keadaan semasa Dia direndahkan dan semasa Dia ditinggikan' (WLC 43).

Ketiga-tiga Jawatan Kristus Dihina

Ketiga-tiga jawatan Kristus (nabi, imam dan raja) telah diteliti dengan rapi oleh penulis-penulis Injil semasa penyeksaan-Nya. Malah, ketiga-tiga jawatan itu dihujat. Pertama, jawatan nabi Kristus telah dicemuh: 'Setelah itu, mereka meludahi muka-Nya dan memukul-Nya. Ada yang menampar-Nya. Mereka berkata, "Bernubuatlah pada kami, hai Kristus! Siapa yang memukul-Mu?" (Matius 26:67-68). Kristus mungkin tahu atau mungkin tidak tahu pada waktu itu, tetapi Dia pasti tahu sekarang dan pada Hari Penghakiman nanti Dia akan memberitahu mereka, kecuali jika mereka bertaubat atas perbuatan kejam mereka.

Kedua, jawatan Kristus sebagai imam dipersendakan. Kata-kata ejekan dalam Matius 27:42 adalah yang paling ironis: 'Dia telah menyelamatkan orang lain tetapi Dia tidak dapat menyelamatkan diri-Nya.' Mereka tidak tahu bahawa itulah yang sebenarnya Kristus sedang lakukan. Tanpa disedari, mereka mengakui kebenaran yang agung dalam mempersendakan pekerjaan penyelamatan Kristus sebagai imam. Tetapi mereka juga berbohong, kerana Kristus dapat menyelamatkan diri-Nya (Yohanes 10:18-19), tetapi sebaliknya, demi kebahagiaan yang ditentukan bagi-Nya, Dia telah menanggung seksa salib (Ibrani 12:2). Betapa mengejutkan bahawa para pencemuh inilah yang kemudiannya

bertaubat dan diselamatkan oleh Kristus yang mereka katakan tidak dapat menyelamatkan diri-Nya (Lukas 23:34; Kisah Para Rasul 2:36-41).

Ketiga, pemerintahan Kristus dipertikaikan dan diperolok-olokan: 'Kalau benar Dia Raja Israel, turunlah dari kayu salib itu sekarang, baru kami percaya kepada-Nya' (Matius 27:42). Semasa mati di kayu salib, Kristus sebenarnya meraih kemenangan yang sangat besar: memusnahkan Iblis yang berkuasa atas kematian (Ibrani 2:14). Tidak seorang pun raja yang pernah berjaya menumpaskan musuh-musuh-Nya seperti yang dilakukan oleh Kristus di kayu salib. Kini di syurga, Kristus memiliki kuasa mutlak atas semua musuh-Nya sehinggakan semua musuh-Nya itu dijadikan alas kaki-Nya (Mazmur 110:1).

Kemuliaan Kristus

Kemuliaan Kristus harus menjadi keinginan utama kita. Penyembahan, puji-pujian dan memuliakan nama Kristus adalah panggilan rohani yang terbesar bagi orang Kristian. Perkara yang paling penting yang boleh dilakukan oleh orang Kristian adalah menyembah Allah dan membawa kemuliaan kepada nama-Nya. Tetapi bolehkah kita sebenarnya 'membawa kemuliaan' kepada Kristus? Mungkin ada yang katakan 'ya', ada pula yang 'tidak', dan mungkin kita hanya melihat kemuliaan-Nya saja.

Dari segi kudrat keilahian Kristus, Dia memiliki kemuliaan yang tidak boleh ditambah ataupun dikurangi. Kemuliaan Allah adalah satu aspek penting dalam kudrat-Nya. Dia penuh dengan kemuliaan sehinggakan tidak satu makhluk pun yang dapat memahami kemuliaan ini sepenuhnya, apa lagi meremehkannya. Kita boleh menamakan ini sebagai kemuliaan utama Kristus. Akan tetapi, ada kemuliaan yang kedua, iaitu kemuliaan penjelmaan, yang hanya dimiliki oleh Anak, bukan milik Bapa atau pun Roh. Inilah kemuliaan Kristus sebagai Allah-manusia yang boleh kita namakan sebagai kemuliaan peribadi



Kristus. Sebagai Allah-manusia, Yesus adalah 'gambaran Allah yang tidak kelihatan' (Kolose 1:15); 'Anak itu adalah sinar gemilang kemuliaan Allah dan gambaran sempurna kewujudan-Nya' (Ibrani 1:3). Yohanes juga bersaksi mengenai kemuliaan peribadi Kristus, yang telah melihat 'kemuliaan-Nya sebagai Anak Tunggal yang datang dari Bapa' (Yohanes 1:14). Kata kemuliaan adalah kata yang digunakan untuk menggambarkan hadirat Allah yang nyata (dapat dilihat) (Keluaran 33:22).

Demikianlah yang terjadi di dalam Bait Suci Allah, hadirat Allah dapat dilihat dengan luar biasa sehingga setiap orang berkata, 'Muliakan Allah!' (Mazmur 29:9). Walau bagaimanapun, Bait Suci yang dibina oleh tangan manusia telah Kristus gantikan dengan tubuh-Nya sendiri untuk menyatakan hadirat Allah yang dapat dilihat dan didekati yang tidak boleh dipenuhi oleh mana-mana bangunan (Yohanes 2:19-21). Sungguhpun tubuh Kristus (Bait Suci) telah 'dibinasakan', tetapi pada hari ketiga Dia telah dibangkitkan dalam kekuasaan dan kemuliaan (Roma 1:4; 1 Korintus 15:35-49).

Sebelum Kristus dibangkitkan, kemuliaan peribadi-Nya masih terselubung. Yesaya 53:2 menegaskan bahawa Kristus 'tidak ada keelokan dan tidak ada semarak padanya sehingga kita memandangi dia, tidak ada tampang sehingga kita menginginkan dia.' Bahkan, manusia menyembunyikan wajah mereka dari Anak, dan menghina Dia (Yesaya 53:3). Kata-kata ini dengan jelas menunjukkan keadaan Kristus pada saat Dia direndahkan. Walau bagaimanapun, sewaktu Kristus berubah rupa dan dimuliakan di atas gunung (Matius 17), kita dapat gambaran sekilas pandang tentang kemuliaan peribadi Kristus, yang biasanya terselubung sewaktu pelayanan-Nya di bumi.

Yakobus, Petrus dan Yohanes telah melihat kemuliaan Kristus, di mana hanya orang salih yang telah dibangkitkan dari kematian saja yang dapat melihat kemuliaan itu di syurga. Buat saat itu, sudah ada wahyu yang ringkas tentang kemuliaan ilahi, iaitu

kemuliaan Yesus di syurga yang dinanti-nantikan oleh orang salih di bumi selagi mereka hidup dengan iman, dan bukan dengan penglihatan. Intinya adalah bahawa transfigurasi Kristus di atas gunung adalah suatu permulaan kepada transformasi tubuh yang mulia pada saat Kristus dibangkitkan, terutama sekali pada saat Kristus duduk di atas takhta-Nya. Dari saat kenaikan-Nya hingga Dia menduduki takhta-Nya, para orang salih Allah akan bersemuka dengan-Nya, dan akan melihat sinar gemilang kemuliaan Kristus yang ilahi melalui kemanusiaan-Nya.

Jadi kemuliaan ini adalah milik peribadi Kristus sebagai Allah-manusia. Penjelmaan-Nya, agak terpisah dari pengantaraan-Nya bagi pihak orang berdosa, membawa erti Dia memiliki sebuah kemuliaan tersendiri. Nampaknya, inilah masa yang sesuai untuk kita membincangkan isu yang sangat dipertikaikan di gereja hari ini – iaitu gambar-gambar Kristus. Andaikata kita sanggup memberikan gambaran bahawa penampilan Kristus berubah apabila Dia memasuki keadaan Dia ditinggikan, yang di mana saya rasa tidak perlu dipertikaikan (Lukas 24:31), adakah gambar-gambar Kristus itu merupakan cermin diri-Nya dalam keadaan terhina atau ditinggikan? Sudah tentu kita mahu melihat Yesus yang telah bangkit, bukan? Tetapi, mari kita fikir sejenak: Dapatkah kita memahami kemuliaan Allah-manusia yang mulia dalam satu gambar? Lagi pun, kemuliaan Kristus semestinya melampaui sebuah gambar kerana kemuliaan-Nya tidak berbentuk (tanpa unsur jasad).

Terdapat masalah tambahan jika gambar itu mewakili Kristus, sebagaimana yang dimaksudkannya, jadi mengapa kita tidak menyembah gambar itu? Penglihatan tentang Kristus pada masa penyempurnaan itu pasti akan membuat kita bertelut dan menyembah Dia (lihat Filipi 2:9-11). Jadi apakah maksudnya kalau kita tidak menyembah gambar itu kerana itu bukan benar-benar Kristus? Ada yang mungkin menjawab bahawa pengikut-pengikut Yesus dan beribu-ribu orang telah melihat Kristus semasa Dia hidup di bumi; tetapi kita perlu ingat bahawa mereka betul-betul telah melihat (walaupun bukan dengan mata

iman) Kristus yang sebenarnya, bukan wakil-Nya. Memang wajar untuk menyembah-Nya dalam konteks ini. Saya kemukakan pertanyaan-pertanyaan dan pandangan-pandangan ini berdasarkan hujah-hujah asas dari buku ini, yang menegaskan bahawa kudrat manusia Kristus mengalami perkembangan, dari penghinaan kepada kemuliaan. Bagi orang Kristian, gambar yang paling hampir (dan terbaik) yang kita ada tentang Kristus adalah elemen-elemen dari roti dan air anggur yang kita ambil semasa Perjamuan Kudus – elemen-elemen yang kita lihat dengan penglihatan, yang akhirnya hanya bermanfaat sekiranya kita terima dengan iman.



Ketika Yehezkiel mendapat satu penglihatan tentang takhta syurgawi dan sosok seperti rupa manusia bersemayam di atasnya, dia hanya dapat menggambarkan apa yang dilihatnya – ‘Rupa yang menyerupai kemuliaan TUHAN’ (Yehezkiel 1:26-28). Adakah mungkin bagi gambar-gambar untuk mewakili Kristus telah ditinggikan dan sekarang bertakhta dalam kemuliaan?

Ada juga kemuliaan ketiga Kristus yang hanya dimiliki oleh-Nya, yang berkaitan dengan kemuliaan peribadi Kristus: kemuliaan pekerjaan perantaraan Kristus. Kristus dimuliakan bukan semata-mata kerana Dia adalah Allah-manusia, tetapi Dia dimuliakan kerana segala yang dilakukan-Nya. Ini menunjukkan bahawa Kristus dipermuliakan di dalam umat-Nya (Yohanes 17:10). Manusia tidak dapat menokok tambah atau mengurangi kemuliaan utama Allah. Tetapi tidak begitu dalam kes kemuliaan pekerjaan perantaraan Kristus. Oleh itu, seperti yang tersurat dalam Yohanes 17, Kristus berdoa agar Dia dipermuliakan melalui pengikut-pengikut-Nya. Bukan saja pengikut-pengikut Kristus pada waktu itu, tetapi semua orang percaya akan membawa kemuliaan kepada Kristus dan Bapa (Yohanes 14:13). Ini adalah kerana pekerjaan Kristus sebagai

pengantara bagi pihak kita.

Perantaraan-Nya hanya untuk satu ketika. Ini menerangkan bagaimana pada akhirnya dapat menyerahkan kerajaan kepada Allah Bapa (1 Korintus 15:24). Doa Kristus sebagai Imam Besar dalam Yohanes 17 (satu gambaran bagaimana Kristus berdoa syafaat sekarang di syurga) menunjukkan Kristus memohon kemuliaan supaya Dia dapat memuliakan Bapa-Nya (17:1-2). Ayat 2 menyatakan tentang 'kekuasaan ke atas umat manusia' yang Kristus terima dari Allah Bapa. Kekuasaan yang Kristus terima bergantung kepada kematian dan kebangkitan-Nya (lihat Matius 28:18), yang membolehkan Dia memberikan hidup kekal kepada umat-Nya. Dalam ayat 4 pula, Kristus mengatakan Dia telah memuliakan Bapa-Nya dengan menyempurnakan kerja yang telah diamanahkan oleh Bapa kepada-Nya. Kristus juga telah mengkiaskan tentang kematian-Nya yang bakal berlaku. Memang tidak dapat dinafikan, kemuliaan yang Kristus minta di hadirat Allah ini bukan saja termasuk kemanusiaan-Nya dipermuliakan, tetapi juga termasuk ganjaran yang diberikan kepada-Nya, iaitu penyelamatan orang percaya kerana ketaatan-Nya yang mati di kayu salib (Yohanes 17:6 dst.).

Oleh kerana kemuliaan peribadi Kristus melampaui kemuliaan perantaraan-Nya, Kristus akan mengekalkan kemuliaan peribadi ini apabila Dia menyerahkan kerajaan kepada Bapa-Nya nanti. Oleh itu, semua jawatan Kristus sebagai nabi, imam dan raja akan berakhir apabila datangnya pengakhiran kerana pengantin perempuan-Nya sudah diselamatkan dan semua musuh-Nya sudah ditumpaskan. Namun begitu, kemuliaan-Nya sebagai Pengantara masih kekal. Sesungguhnya kemuliaan peribadi Kristus sebagai Allah-manusia ini bermaksud bahawa Dia sendiri yang akan memerintah kerajaan-Nya pada zaman yang akan datang (Ibrani 2:5), justeru mempertahankan pemerintahan-Nya. Seperti yang dibincangkan di atas, Kristus akan mendedahkan pemikiran Allah kepada orang salih yang dimuliakan di syurga, dengan demikian mempertahankan jawatan nabi-Nya.

Akhir sekali, Wahyu 22:2 menunjukkan bahawa 'pokok kehidupan' yang ditempatkan di syurga untuk menyembuhkan umat manusia adalah gambaran kiasan tentang pekerjaan penebusan Kristus yang telah disempurnakan; dan dengan itu, jawatan Kristus sebagai imam akan terus diingati, walaupun persembahan dan doa syafaat Kristus tidak diperlukan lagi. Oleh itu, kita dapat merumuskan bahawa semua aktiviti penyelamatan Kristus dalam ketiga-tiga jawatan-Nya akan berakhir apabila datangnya pengakhiran. Walau bagaimanapun, itu tidak berarti Kristus tidak lagi berperanan sebagai nabi, imam dan raja kerana peribadi-Nya sebagai Allah-manusia kekal selama-lamanya. Maksudnya, prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam jawatan Kristus akan selama-lamanya mempunyai pengaruh yang kekal di syurga. Kemuliaan peribadi Kristuslah yang akan disaksikan oleh semua orang Kristian, dan harapan yang mulia itu membawa kita kepada pertimbangan terakhir kita: 'penglihatan yang penuh rahmat'.

Visi Yang Penuh Rahmat

Untuk melihat Allah dalam Kristus adalah untuk melihat kemuliaan-Nya; dan penglihatan kemuliaan ini adalah sesuatu yang orang salih di bumi dengan sabar menanti selagi mereka hidup dengan iman kepada Anak Allah yang mengasihi mereka dan menyerahkan diri-Nya demi mereka.⁵ Hanya dalam Kristus sahaja kita mempunyai pandangan yang paling lengkap tentang kemuliaan Allah. Ada dua cara untuk melihat kemuliaan Allah dalam Yesus Kristus: melalui iman dan melalui penglihatan. Keinginan orang Kristian di dunia ini adalah ingin bersemuka dengan Kristus. Itulah sebabnya kita menantikan-nantikan syurga. Tetapi di dunia ini para domba Kristus dengan iman, sedangkan di dunia yang akan datang, mereka akan hidup dengan penglihatan, dan dapat melihat Kristus dengan

⁵ Dalam bahagian ini, saya terutang budi kepada John Owen tentang penglihatan yang penuh rahmat dalam bukunya, *Meditations and Discourses on The Glory of Christ*, l.302 dst.

nyata.

Gelang tangan yang tertulis WWJD (What Would Jesus Do? – Apa Yang Akan Yesus Lakukan?) sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan Kristian. Perkataan ini mengingatkan tentang pengajaran ahli teologi Katolik pada abad pertengahan, Thomas à Kempis (1380-1471), yang menulis karyanya berjudul 'The Imitation of Christ', yang masih popular sehingga kini. Tidak seorang pun boleh mengkritik seseorang yang cuba menjadi selaras dengan rupa Yesus (Roma 8:29). Owen membuat satu kenyataan padu berkaitan dengan cara pemikiran begini. Dia menulis: 'Tak seorang pun yang boleh menjadi 'serupa dengan-Nya' dengan meniru bulat-bulat tindak tanduk Kristus, tanpa melihat atau mengerti kemuliaan Kristus, di mana hanya kemuliaan-Nya saja yang diiringi dengan kuasa transformasi mampu mengubah mereka menjadi selaras dengan rupa-Nya.'⁶ Kita harus membetulkan pemikiran kita mengenai Yesus (Ibrani 3:1), baik pada peribadi-Nya mahupun pekerjaan-Nya. Jadi, apabila kita bertanya soalan ini, ('What Would Jesus Do?' - WWJD), sedikit sebanyak akan mendorong dan membantu kita untuk lebih mentaati Kristus; tetapi yang sebaiknya adalah kita merenungi peribadi Kristus dengan sedalam-dalamnya.

Selagi kita hidup dengan iman di dunia ini, kita harus bertanya kepada diri sendiri sama ada kita merenungkan kemuliaan peribadi dan pekerjaan Kristus. Sesungguhnya, pertumbuhan kita dalam rahmat (kasih kurnia) dapat dilihat dengan menjawab pertanyaan itu. Seorang Kristian yang sejati adalah orang yang dalam hatinya telah disinari 'cahaya pengetahuan tentang kemuliaan Allah di wajah Yesus Kristus' (2 Korintus 4:6). Di dalam Kristus sahaja kemuliaan Allah yang tak kelihatan itu akan bersinar. Iman kita diarahkan kepada Kristus yang telah disalibkan, bangkit dan naik ke syurga. Iman dalam Kristus adalah tunjang bagi ketaatan kita, sebab orang benar bukan hanya diperbenar melalui iman tetapi hidup melalui iman (Roma 1:17). Bahkan, keistimewaan terbaik dalam kehidupan ini adalah

⁶ Ibid., 304.



melihat kemuliaan Kristus melalui iman. Atau senang kata, hanya mereka yang melihat Kristus melalui iman di dunia ini yang akan mendapat hak istimewa untuk melihat Kristus melalui penglihatan di syurga.

Selaras dengan hujah-hujah asas dari buku ini, cara kita melihat kemuliaan Allah dalam peribadi Yesus dalam kehidupan ini adalah dengan merenungkan peribadi Kristus terlebih dahulu, dan selanjutnya barulah merenung pekerjaan Kristus. Hakikatnya, Anak Allah yang kekal, yang tidak terbatas, abadi, tak pernah berubah, maha kuasa dan maha tahu (saya hanya menyebut beberapa sifat Kristus saja), dan yang mengambil rupa bentuk manusia yang fana harus mengagumkan kita semua. Tidak syak lagi mengapa syurga senyap terkejut dalam kegaguman (walaupun para malaikat bernyayi) pada waktu Yesus dilahirkan! Kerana kesatuan kedua kudrat (kemanusiaan dan keilahian) itulah kita dapat menghampiri Allah, yang tanpanya adalah sangat mustahil! Kita mempunyai akses kepada pengetahuan Allah melalui Anak Allah. Kita mempunyai seorang saudara yang adalah Yahweh.

Tetapi kita bukan sahaja merenungkan peribadi Kristus, kita juga harus merenungkan hakikat bahawa peribadi ini juga adalah nabi, imam dan raja kita. Sebab itulah Paulus mengaitkan dua elemen ini (peribadi dan pekerjaan Kristus) apabila dia bercakap tentang keinginannya untuk mengenal Kristus Yesus dan kuasa kebangkitan-Nya supaya pada akhirnya dia dapat mencapai kebangkitan daripada kematian, dan melihat Kristus (Filipi 3:10). Sebelum itu, bagaimanapun, Paulus berbicara dalam Filipi 2:5-11 tentang peribadi dan pekerjaan Kristus, di mana Anak Allah merendahkan diri-Nya dan sanggup menderita dalam kematian yang mengaibkan demi kebangkitan yang mendatangkan kemuliaan. Dalam erti kata lain, pengertian Paulus tentang peribadi dan pekerjaan Kristus dan hubungan kedua-duanya (dalam Filipi 2) itu membawanya kepada keinginannya untuk mengenal Kristus sebagaimana yang kita lihat dalam Filipi 3. Ini adalah

kebenaran-kebenaran tentang Kristus yang seharusnya menjadi renungan orang Kristian selama mereka mempersiapkan diri untuk menikmati Allah selama-lamanya melalui Yesus Kristus.

Nikmat syurgawi kita terhadap peribadi Kristus adalah melalui penglihatan. Visi ini adalah visi transformasi; ia mengubah kita menjadi serupa dengan Kristus. Bunyinya seolah-olah seperti yang dikatakan oleh Yohanes dalam 1 Yohanes 3:2, 'Sahabat-sahabat yang kukasihi, sekarang ini kita anak-anak Allah tetapi belum nyata bagaimana keadaan kita kelak. Tetapi kita tahu bahawa apabila Kristus datang, kita akan menjadi seperti-Nya, kerana kita akan melihat-Nya dalam keadaan-Nya yang sebenar.' Kenyataan ini seolah-olah agak radikal, tapi kita harus sedar bahawa melihat kemuliaan Allah melalui iman dalam kehidupan sekarang ini bermakna kita sudahpun diubah menjadi seperti-Nya.

Seperti yang Paulus katakan dalam 2 Korintus 3:18, 'Kita semua melihat kemuliaan Tuhan tercermin dengan wajah yang tidak berselubung, dan kita diubah menjadi serupa dengan-Nya dalam kemuliaan yang kian besar, oleh Roh Tuhan.' Jadi, sama seperti ibu bapa yang 'berubah' air muka bila mengetahui berita tentang anaknya yang hilang, ataupun seorang pelajar yang 'berubah' air muka bila pertama kali melihat surat penerimaan masuk ke kolej, apa lagi orang Kristian yang benar-benar berubah dengan sempurna dalam keadaan yang tak terkata melalui *penglihatan* peribadi Yesus Kristus dalam kemuliaan-Nya yang agung.

Sebab mengapa ahli-ahli teologi menyebut visi tentang Kristus 'penuh rahmat' adalah kerana 'ia memberikan kelegaan dan keberkatan yang sempurna kepada mereka yang menikmatinya.' Menurut Owen, di syurga kelak, 'Allah akan terus-menerus bekerja di dalam Kristus di dalam jiwa-jiwa orang salih yang dimuliakan, dan akan terus-menerus berkomunikasi dengan mereka.'⁷ Jika kehidupan kita seharian dipelihara oleh

⁷ Ibid., 413.

kasih kurnia Allah, apatah lagi dalam kehidupan yang akan datang, kita akan merasai kasih kurnia Allah yang jauh lebih besar. Sebab itulah kita boleh yakin bahawa sebagaimana wahyu yang sekarang disampaikan kepada orang percaya melalui Kristus, begitulah juga yang akan berlaku di syurga kelak. Ada kesinambungan dalam cara Allah berurusan dengan umat-Nya di antara dunia ini dan dunia yang akan datang, walaupun kita bergerak dari keadaan penghinaan kita sendiri kepada pemuliaan.



Syurga mempunyai banyak kemuliaan, tapi apakah yang akan menjadi kemuliaan paling besar yang akan dilihat oleh orang salih? Adakah kita akan melihat sesuatu yang lebih mulia daripada melihat Yesus Kristus yang dalam jasmani?

Sebagai Anak yang dijelmakan, Kristus akan selama-lamanya melaksanakan peranan sebagai pengantara antara Allah dan manusia. Itulah keistimewaan yang dimiliki oleh Kristus dalam kemuliaan peribadi-Nya. Sudah pastilah kemuliaan perantaraan-Nya bererti Dia tidak sendirian di syurga. Sesungguhnya, kerana Allah membenci perceraian (Maleakhi 2:16), dan kerana kita adalah pengantin perempuan Kristus (Efesus 5:25-27; Wahyu 21:2), nikmat syurgawi yang diberikan Allah kepada kita dalam peribadi Yesus Kristus adalah terjamin. Keabadian syurga bagi orang percaya adalah berdasarkan kesatuan kita dengan Allah-manusia, yang dalam pengangkatan-Nya, kemanusiaan-Nya dimuliakan dan Dia hidup selama-lamanya. Kerana kita adalah pengantin perempuan Kristus, kita mempunyai hak untuk menatap Kristus selama-lamanya dengan penglihatan. Dalam Ayub 19:25-26 tersurat:

Namun demikian, aku tahu bahawa Penebusku hidup,
dan pada akhirnya Dia akan berdiri di atas bumi.
Setelah kulitku dibinasakan sedemikian rupa,
tanpa tubuhku juga aku akan melihat Allah.

Harapan dan keinginan Ayub adalah peringatan yang bermanfaat kepada orang Kristian tentang bagaimana kita harus berharap. Harapan kita terdiri daripada ini: sepertimana 'seorang lelaki menemui jirannya apabila mereka berdiri sambil berbual secara bertatap muka, begitulah kita akan melihat Tuhan Kristus dalam kemuliaan-Nya.' Ini adalah penglihatan serta-merta yang 'diharap-harapkan dan dinanti-nantikan' orang Kristian untuk melihat Kristus. Adakah anda juga begitu?⁸

Akhir Kata

Betul kata ahli teologi dari Belanda, G.C. Berkouwer, bahawa 'dalam Alkitab kita tidak putus-putus menemukan kesatuan peribadi Kristus dan pekerjaan-Nya... tidak mengenali siapakah Dia bererti tidak memahami apakah pekerjaan-Nya; dan tidak melihat karya-karya-Nya dari perspektif yang betul kerana tidak memahami peribadi-Nya.'⁹ Tujuan buku ini ditulis adalah sebagai satu panduan asas bagi pengenalan Kristologi, sebab itulah ia banyak memberi penekanan dalam peribadi Kristus dan pekerjaan-Nya. Penekanan dalam peribadi Kristus memang disengajakan, kerana ia bertujuan untuk membantu kita memahami dan lebih menghargai pekerjaan Kristus untuk kita.

Doktrin perbenaran melalui iman adalah bersandarkan kepada ketaatan Kristus yang sempurna dan sepenuhnya kepada hukum ketetapan Allah, serta ketaatan Kristus yang mati sebagai korban di kayu salib menggantikan tempat kita. Saya berharap ketaatan Kristus telah dijelaskan agar dan tidak diambil sambil lewa. Kristus adalah manusia yang pernah hidup dengan iman selama hidup-Nya di dunia; dan Dia juga adalah manusia yang pernah digoda dalam semua cara sama seperti kita; dan Dia juga adalah manusia yang kini bertakhta memerintah di syurga sebagai Tuhan langit dan bumi. Oleh itu, kita diperintahkan untuk menetapkan mata hati kita kepada Yesus, 'Pelopor dan

⁸ Ibid., 379.

⁹ *The Person of Christ*, (Grand Rapids: Eerdmans, 1954), 105.



Penyempurna iman kita. Untuk kebahagiaan yang ditentukan bagi-Nya, Dia telah menanggung seksa salib, tanpa menghiraukan pengaiban itu, dan sekarang Dia duduk di sebelah kanan takhta Allah' (Ibrani 12:1-2). Apabila kita berdoa, kita yakin bahawa Roh berdoa syafaat untuk kita (Roma 8:26) – sebab Kristus berdoa syafaat bagi kita (Ibrani 7:25). Doa-doa kita dipanjatkan dalam iman kepada Allah kerana Kristus telah merapatkan jurang (menjambatani) antara Allah yang kudus dengan manusia yang berdosa. Janganlah kita lupa bahawa kehidupan doa kita boleh berlaku kerana 'Ketika Yesus hidup sebagai manusia, Dia telah berdoa dan merayu dengan ratap tangis kepada Allah yang berkuasa menyelamatkan-Nya daripada kematian, dan Allah telah mendengar-Nya kerana kesalihan-Nya' (Ibrani 5:7). Apa saja yang selayaknya kita miliki, Kristus telah miliknya terlebih dahulu, termasuklah iman, kasih, harapan, pemilihan, perbenaran, pengkudusan, pengangkatan sebagai anak, dan permuliaan.

Dalam kajiannya yang mengagumkan tentang Cyril dari Alexandria, John A. McGuckin mengulas pandangan Cyril: 'bahawa dalam Kristologi, implikasi-implikasi adalah sangat penting bagi semua hujahan/alasan.'¹⁰ Bagaimana kita memahami peribadi Kristus dan hubungan antara dua kudrat akan memberikan kesan yang mendalam kepada pengertian kita tentang pekerjaan-Nya. Ia tidak boleh sebaliknya. Lebih-lebih lagi, sama ada kita mencintai peribadi Kristus adalah satu penunjuk sama ada kita benar-benar mencintai dan menghargai pekerjaan-Nya. Memang mudah untuk mencintai berkat-berkat, tetapi kita tidak betul-betul mencintai berkat-berkat itu tanpa mencintai si pemberinya. Siapalah kita untuk melayan Kristus seolah-olah seperti 'habis madu sepah dibuang', tanpa benar-benar mengasihi diri-Nya. Jika kita mengasihi Kristus sekarang dengan iman, keinginan semulajadi kita adalah untuk bersama dengan-Nya buat selama-lamanya,

¹⁰ *Saint Cyril of Alexandria and the Christological Controversy* (New York: St. Vladimir's Seminary Press, 2004), 129.

untuk menatap wajah-Nya 'yang lebih hebat daripada anak-anak manusia' (Mazmur 45:2) dalam keindahan-Nya yang mulia, dengan demikian menikmati visi yang penuh rahmat iaitu Dia yang menjadi ketua di antara sepuluh ribu. Tidak hairanlah begitu ramai ahli teologi yang hebat bercakap tentang keutamaan peribadi Kristus daripada pekerjaan-Nya. Barangkali keutamaan itulah yang memberikan kita pengertian bahawa Kristus tidak datang ke dunia untuk kita, tapi kita untuk Kristus.

Orang berdosa yang mahu diselamatkan oleh Penyelamat mestilah mengakui bahawa kemanusiaan Kristus adalah sama penting dengan keilahian-Nya. Pengakuan ini membawa kita kepada kesimpulan bahawa peribadi Kristus sangat penting untuk penyelamatan kita, dan Firman Allah mengarahkan kita untuk mengenal Dia yang diutus oleh Bapa. Seperti yang dijelaskan oleh Warfield, kita mesti mengenal Kristus bukan sebagai 'Allah yang dimanusiakan atau manusia yang diilahkan' sebaliknya sebagai Allah-manusia yang sejati – Dia yang benar-benar Allah dan Dia yang benar-benar manusia: dalam dekapan tangan-Nya yang maha kuasa kita boleh berteduh, dan kepada simpati manusia-Nya kita boleh merayu. Kita tidak boleh kehilangan sama ada Allah di dalam manusia ataupun manusia di dalam Allah; hati kita berharap pada Allah-manusia yang sempurna yang telah dinyatakan dalam Kitab Suci.¹¹ Inilah harapan kita untuk melihatnya satu hari nanti; tetapi buat masa sekarang, kita harus melihat kemuliaan Kristus dengan iman.

¹¹ B. B. Warfield, *Selected Shorter Writings*, Vol. I (New Jersey: P&R, 1972), 166.

Maklum balas tentang bahan sumber ini

Kami sangat berbesar hati untuk mendapatkan apa-apa maklum balas tentang bahan-bahan sumber bacaan kami — bukan saja cadangan bagaimana untuk memperbaiki mereka, tetapi juga maklum balas positif dan cara bagaimana anda telah menggunakannya. Kami berminat untuk mengetahui sejauh mana bahan-bahan sumber ini mungkin telah membantu seseorang dalam pertumbuhan rohani mereka.

Anda boleh tulis kepada kami di P.O.Box 8327, Pejabat Pos Kelana Jaya, 46787 Petaling Jaya, Selangor; atau email kepada kami di wawasan.penabur@gmail.com